



Tatakelakuan



Tujuan kita adalah untuk meneroka potensi baharu dengan membayangkan semula perkara yang boleh dilakukan oleh AIG untuk anda.



Jadual Kandungan

Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif	4	Komitmen Kita kepada Pemegang Saham Kita	28
Perutusan daripada Ketua Pegawai Pematuhan	4	Pelaporan Kewangan dan Cukai	29
Menunaikan Komitmen Kita	5	Rekod Perniagaan yang Tepat	29
Mengapakah Kita Mempunyai Tatakelakuan?	6	Pengurusan Rekod	29
Siapakah yang Tertakluk dengan Tatakelakuan ini?	6	Melindungi Sumber AIG	30
Tanggungjawab Individu	7	<i>Harta Fizikal</i>	30
Tanggungjawab Tambahan untuk Pengurus	7	<i>Keselamatan Peribadi</i>	30
Bertanya Soalan & Membangkitkan Kemosykilan	8	<i>Keselamatan Perjalanan</i>	30
Dasar Tiada Tindakan Balas	10	<i>Harta Intelek</i>	30
Tindakan Pembetulan	10	<i>Maklumat Proprietari/Rahsia Perdagangan/Maklumat Sulit</i>	31
Pengecualian Tatakelakuan	10	<i>Dana</i>	31
Komitmen Kita terhadap Satu Sama Lain	12	<i>Sumber Teknologi AIG</i>	32
Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Rangkuman Global	13	Komitmen Kita sebagai Warga Korporat	34
Menghormati Orang Lain	13	Kelestarian	35
Menghormati Hak Asasi Manusia	13	Warga Korporat Global	35
Persekitaran Kerja Bebas daripada Gangguan dan Intimidasi	14	Aktiviti Politik	36
Tempat Kerja Yang Selamat, Sihat dan Terjamin	14	Perdagangan dalam Sekuriti	36
Penggunaan Alkohol dan Dadah	14	Pencegahan Pengubahan Wang Haram	37
Privasi Pekerja	15	Sekatan Ekonomi, Antiboikot, dan Undang-undang Kawalan Eksport	37
Komitmen Kita dalam Tempat Pasaran	18	Berkomunikasi dengan Pihak Awam	38
Privasi Pelanggan dan Keselamatan Data	19	Berkomunikasi dengan Pengawal Selia dan Pegawai Kerajaan Yang Lain	38
Konflik Kepentingan	20	Media Sosial	38
<i>Peluang Korporat</i>	20	Perniagaan Kerajaan	38
<i>Hubungan Peribadi</i>	20	Antirasuah dan Sogokan	39
<i>Aktiviti Luar</i>	20		
<i>Hadiah dan Hiburan</i>	21		
<i>Hadiah dan Hiburan untuk Pegawai Kerajaan</i>	22		
Hubungan dengan Rakan Niaga Kita	23		
Kepelbagaian Pembekal	23		
Berurusan Secara Adil	24		
Antipakat dan Persaingan Adil	25		
Maklumat Persaingan	26		

Apabila digunakan dalam Tatakelakuan ini, 'AIG' merujuk kepada American International Group, Inc. dan anak syarikatnya di seluruh dunia. Unit perniagaan dan bidang kuasa boleh mempunyai tatakelakuan lain yang selaras dengan atau yang lebih ketat daripada Tatakelakuan ini. Tatakelakuan ini mungkin mengenakan tanggungjawab tambahan ke atas rakan sekerja dalam unit perniagaan dan bidang kuasa tersebut. Kemosykilan berkenaan percanggahan yang mungkin berlaku antara peruntukan Tatakelakuan ini dan undang-undang tempatan mesti dilaporkan kepada pegawai pematuhan.

Perutusan daripada Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif



Rakan sekerja yang dihormati,

Beroperasi dengan etika dan integriti adalah teras bagi semua yang kita lakukan di AIG dan sebab itulah Tatakelakuan kita sangat penting. Sentiasa melakukan perkara yang betul dan mengekalkan persekitaran yang selamat bagi rakan sekerja untuk bersuara adalah yang terpenting untuk memperoleh dan memelihara kepercayaan pihak berkepentingan kita.

Pernyataan Tujuan dan Nilai AIG membimbing cara kita bertindak sebagai sebuah syarikat dan sebagai individu. Pada terasnya, pernyataan itu tertumpu pada Menemui Potensi Baharu dan Mengimaginisasikan Semula perkara yang boleh dilakukan oleh AIG untuk anda. Nilai Kita – Jaya Bersama, Ambil Pemilikan, Tetapkan Standard, Lakukan Apa yang Betul dan Jadi Sekutu – menetapkan jangkaan yang jelas menerangkan maksud bekerja di AIG dan menggalakkan tingkah laku yang diwajarkan untuk memacu perubahan dan kejayaan jangka panjang.

Tatakelakuan AIG menggariskan standard dan dasar untuk semua rakan sekerja AIG dan menyediakan garis panduan bagi cara kita bekerja sesama kita, para pelanggan kita, rakan pengedar, pegawai selia dan pihak berkepentingan yang lain. Selain tatakelakuan ini, pertimbangan anda yang baik dalam membuat keputusan keputusan, akan mendorong tindakan dan keputusan anda.

Jika anda ada pertanyaan atau kebimbangan mengenai Tatakelakuan ini, sila berbincang dengan pengurus, Sumber Manusia atau Pegawai Pematuhan anda.

Terima kasih atas komitmen anda untuk berpegang kepada Nilai-nilai, dan etika serta integriti pada standard yang cemerlang di AIG.

A handwritten signature in black ink that reads "Peter Zaffino".

Peter Zaffino
Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif

Perutusan daripada Ketua Pegawai Pematuhan Global



Rakan sekerja yang dihormati,

Tatakelakuan AIG mengandungi peraturan dan garis panduan yang harus diingati semasa kita melakukan aktiviti sehari-hari.

Tatakelakuan mencerminkan Tujuan dan Nilai-nilai AIG dan menggariskan undang-undang dan peraturan yang mana kita sebagai sebuah syarikat ditadbir. Kita berpegang teguh kepada reputasi AIG untuk ketelusan dan memupuk budaya beretika dan integriti dengan mematuhi standard ini.

Tatakelakuan ini direka untuk membantu anda melakukan perkara dengan betul. Kod ini bukanlah sumber yang merangkumi semua perkara, walaupun ia menyediakan panduan untuk kebanyakan situasi. Jika anda ada sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan situasi, perniagaan atau fungsi tertentu yang mungkin tidak jelas, sila kemukakan

pertanyaan anda kepada pengurus anda, rakan HR Sumber Manusia atau rakan Pematuhan. Tambahan lagi, sila bersuara jika anda melihat sesuatu yang tidak selari dengan prinsip yang digariskan di dalam Kod ini.

Terima kasih atas kerjasama anda untuk terus berpegang teguh kepada budaya mantap kecemerlangan AIG dan untuk terus patuh kepada prinsip Tatakelakuan AIG. Atas usaha gigih kita, pelanggan, rakan kongsi pengedar, pengawal atur serta pihak berkepentingan lain mempunyai keyakinan tinggi terhadap kekuatan dan kebolehpercayaan AIG.

A handwritten signature in black ink that reads "Karen J. Nelson".

Karen J. Nelson
Naib Presiden Kanan
Ketua Pegawai Pematuhan Global

Menunaikan Komitmen Kita

Teras perniagaan AIG adalah janji bahawa kita akan sentiasa menyokong produk dan perkhidmatan kita. Integriti peribadi dan organisasi adalah kritikal dalam menunaikan janji ini dan melindungi reputasi kita.

Menunaikan komitmen kita sangat penting untuk rakan sekerja, pelanggan, rakan pengedat dan rakan niaga lain, pemegang saham, dan komuniti, di mana kita menetap dan menjalankan perniagaan.

Menunaikan Komitmen Kita

Mengapakah Kita Mempunyai Tatakelakuan?

Tatakelakuan AIG (“Tatakelakuan”) memberi panduan etika untuk menjalankan perniagaan di seluruh AIG. Semua eksekutif dan rakan sekerja AIG boleh merujuk kepada Tatakelakuan ini untuk mendapatkan maklumat. Tatakelakuan tidak mampu menyelesaikan semua isu yang mungkin kita hadapi tetapi ia dapat memberi bimbingan dan sumber apabila pilihan yang betul masih kurang jelas. Maklumat tambahan, termasuk peraturan dan dasar yang berkaitan, boleh didapati di pautan sepanjang dokumen ini dan dalam dasar korporat kita.

Tatakelakuan ini digubal berdasarkan komitmen yang kita sampaikan kepada setiap kumpulan berikut:

- Rakan sekerja kita mempunyai keyakinan terhadap kita untuk menghargai dan menghormati mereka.
- Pelanggan, rakan pengedar serta rakan niaga kita mempercayai integriti kita.
- Pengawal atur kita menjangkakan ketelusan kita dan bertindak dengan integriti.
- Pemegang saham kita mempercayai pengawasan kita.
- Komuniti di seluruh dunia bergantung *pada* kita sebagai warga korporat yang bertanggungjawab.

Siapa yang Tertakluk dengan Tatakelakuan ini?

Semua pegawai dan rakan sekerja AIG tertakluk kepada Tatakelakuan ini. Sesetengah rakan niaga AIG, contohnya ejen dan perunding, mewakili AIG kepada khalayak ramai, dan mereka dijangka untuk mematuhi semangat Tatakelakuan, Tatakelakuan Pihak Ketiga AIG, dan mana-mana peruntukan kontrak yang berkenaan, semasa bekerja *bagi pihak* syarikat AIG.

AIG adalah organisasi yang besar, namun kita bersatu menerusi komitmen kita untuk menunaikan semua janji kita. Setiap satu daripada kita bertanggungjawab untuk memperoleh kepercayaan yang diamanahkan kepada kita.



Menunaikan Komitmen Kita

Tanggungjawab Individu

Memenuhi tanggungjawab kita membolehkan perniagaan kita untuk berjaya, berkembang, hari ini dan pada masa hadapan. Kita semua dijangka untuk:

- Memahami dan bertindak selaras dengan Tatakelakuan ini, Dasar AIG dan undang-undang serta peraturan yang berkaitan.
- Mendapatkan bimbingan daripada pihak pengurusan, kakitangan pematuhan atau penasihat undang-undang AIG sekitar anda mempunyai soalan.
- Melaporkan dengan segera untuk kemungkinan tentang kemungkinan pelanggaran Tatakelakuan ini, dasar AIG atau undang-undang dan peraturan yang berkenaan kepada pihak pengurusan atau mana-mana sumber yang disenaraikan di muka surat seterusnya.
- Mengambil bahagian dalam pembelajaran etika dan pematuhan untuk memastikan kita tahu standard dan jangkaan terkini.
- Memberi kerjasama sepenuhnya dalam sebarang penyiasatan dalaman.

Tiada alasan, termasuk keinginan untuk mencapai matlamat perniagaan, boleh menjadi alasan untuk melanggar Tatakelakuan ini, dasar AIG, undang-undang, atau peraturan.

Tanggungjawab Tambahan untuk Pengurus

Setiap Pengurus diharapkan untuk memenuhi tanggungjawab tambahan berikut:


- Mewujudkan dan mengekalkan budaya amanah, kejujuran, integriti dan saling menghormati dengan menunjukkan teladan menegakkan standard etika yang cemerlang.
- Menjadi sumber rujukan di kalangan rakan sekerja. Memastikan mereka menyedari, memahami, dan mengetahui cara untuk mengamalkan Tatakelakuan ini, dasar AIG serta undang-undang dan peraturan yang berkenaan dalam tugasannya sehari-hari mereka.
- Luangkan masa anda untuk rakan sekerja supaya mereka boleh mengemukakan masalah, aduan atau keluhan, dalam persekitaran dan keadaan yang selamat dan terjamin serta mengukuhkan dasar tiada tindakan balas AIG. Pastikan perkara-perkara ini ditangani secara adil dan tepat pada waktunya.
- Dapatkan bantuan daripada pengurus lain atau penasihat undang-undang, pegawai pematuhan atau profesional sumber manusia AIG apabila anda tidak pasti mengenai

gerak balas yang sesuai terhadap keadaan tertentu atau melaporkannya melalui Talian Bantuan Pematuhan AIG.

- Bertindak proaktif. Mengambil tindakan sewajarnya untuk mencegah dan mengenal pasti salah laku. Laporkan keadaan yang mungkin menjadikan keupayaan rakan sekerja untuk bertindak secara beretika bagi pihak AIG.

Ujian Tajuk Berita

Bagi Membuat Keputusan yang Lebih Baik



Keputusan anda nampaknya mematuhi Tata.

Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut, anda sentiasa boleh menghubungi pengurus anda, Sumber Manusia, Perundangan atau Pematuhan.

Menunaikan Komitmen Kita

Bertanya Soalan & Kebimbangan

Kebanyakan kebimbangan yang sering dihadapi di tempat kerja boleh diselesaikan melalui perbincangan dan kerjasama dengan pihak pengurusan, Sumber Manusia, Perhubungan Pekerja atau pegawai pematuhan yang dilantik. Selain itu, rakan sekerja boleh mengemukakan pertanyaan, kebimbangan atau melaporkan peristiwa yang tidak mematuhi Tatakelakuan ini, dasar AIG, atau undang-undang atau peraturan yang berkenaan dengan menghubungi mana-mana pihak yang berikut:

- **Kumpulan Pematuhan Global AIG** di + 1 646 857-1877 atau e-mel corporatelegalcompliance@aig.com.
- **Talian Bantuan Pematuhan AIG** di + 1 877 244-2210 atau dalam talian di www.aigcompliancehelpline.com, atau imbas kod QR di bawah, tertakluk kepada undang-undang tempatan. Talian Bantuan Pematuhan tersebut dikendalikan oleh pihak ketiga bebas yang menyediakan laporan bertulis kepada Kumpulan Pematuhan Global AIG. Komunikasi melalui Talian Bantuan boleh dilakukan tanpa nama, tertakluk kepada undang-undang tempatan, dan boleh dibuat dalam kesemua bahasa utama.

Bagi sebarang kemosyikilan berkaitan hal-hal perakaunan, kawalan perakaunan dalaman atau audit, rakan sekerja boleh menghubungi talian yang tertera di atas (tanpa mendedahkan identiti melalui Talian Bantuan), tertakluk kepada undang-undang tempatan atau mengemukakan sebarang kemosyikilan kepada Ketua Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah AIG melalui e-mel di boardofdirectors@aig.com atau secara bertulis kepada: Ketua Jawatankuasa Audit, American International Group, Inc., 1271 Ave of the Americas, Floor 41, New York, NY 10020-1304.

TALIAN BANTUAN PEMATUHAN AIG

Talian bantuan dikendalikan oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga bebas, yang akan menghantar laporan kepada Kumpulan Pematuhan Global AIG. Komunikasi boleh dibuat tanpa nama, tertakluk kepada undang-undang tempatan.

Telefon



+1 877 244-2210

Web



[aigcompliance
helpline.com](http://aigcompliancehelpline.com)

Kod QR



Laporan Penilaian Kumpulan Pematuhan Global

Meminta Nasihat

Bimbingan akan diberikan untuk membuat keputusan yang tepat.

Melaporkan Kemosyikilan

Perkara akan disiasat dengan segera oleh organisasi dalaman yang sesuai dalam AIG.

Menunaikan Komitmen Kita

Soal Jawab

Bertanya Soalan dan Membangkitkan Kemosykilan

S *Apakah yang akan berlaku sekiranya saya membuat laporan kepada Talian Bantuan Pematuhan AIG?*

J Selepas menjawab panggilan itu, pembekal perkhidmatan luar akan mengemukakan laporan kepada Kumpulan Pematuhan Global AIG. Jika laporan tersebut dihantar secara dalam talian, pembekal perkhidmatan luar akan menghantar laporan itu terus kepada Kumpulan Pematuhan Global.

1. Jika anda meminta nasihat, anda akan dihubungi berkenaan isu tersebut dan bimbingan serta tafsiran akan diberikan supaya anda boleh membuat keputusan yang betul.
2. Jika anda ingin membuat laporan tentang salah laku yang mencurigakan, pembekal perkhidmatan luar akan mencatatkan maklumat berkaitan dan akan menghantar satu laporan kepada Kumpulan Pematuhan Global. Sebarang laporan berkenaan perakaunan, kawalan perakaunan dalaman, dan hal ehwal pengauditan yang mencurigakan akan disemak bersama-sama dengan wakil Kumpulan Penyiasatan Global dan kemudian, jika perlu, dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah AIG.
3. Jika perkara tersebut lebih sesuai dikendalikan oleh organisasi dalaman AIG yang lain (cth. bahagian Undang-undang, Audit Dalaman, Keselamatan Global atau Sumber Manusia), Kumpulan Pematuhan Global akan menghantar laporan kepada organisasi tersebut untuk dikendalikan.

S *Bolehkah saya melaporkan pelanggaran dan kekal merahsiakan identiti saya?*

J AIG menggalakkan rakan sekerja membuat laporan dengan mengenal pasti diri mereka supaya maklumat tersebut boleh disiasat dengan segera dan teliti. Keupayaan kita menghubungi rakan sekerja tertentu yang mengemukakan kemosykilan itu akan mempercepatkan siasatan. Walaupun begitu, tertakluk kepada undang-undang tempatan atau perjanjian buruh, anda boleh memilih untuk kekal tanpa nama semasa melaporkan sesuatu perkara kepada Talian Bantuan Pematuhan AIG.

S *Bagaimakah dengan kerahsiaan dan pembalasan?*

J Setiap usaha yang munasabah akan dilakukan, selaras dengan undang-undang dan dasar AIG, untuk mengekalkan kerahsiaan mana-mana rakan sekerja yang melaporkan pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki dengan niat baik dan AIG milarang tindakan balas terhadap mana-mana rakan sekerja kerana membuat laporan dengan niat baik tentang pelanggaran sebenar atau yang disyaki untuk Tatakelakuan ini, dasar AIG lain atau undang-undang atau peraturan yang berkenaan.

Menunaikan Komitmen Kita

Dasar Tiada Tindakan Balas

AIG melarang tindakan balas terhadap mana-mana rakan sekerja yang membuat laporan dengan niat baik tentang pelanggaran sebenar atau yang disyaki terhadap Tatakelakuan ini, dasar AIG yang lain atau undang-undang atau peraturan yang berkenaan, dan pelanggaran dasar ini boleh mengakibatkan tindakan pembetulan, sehingga dan termasuk pemecatan.

Tindakan Pembetulan

Perlanggaran Tatakelakuan ini, dasar AIG yang lain atau undang-undang atau peraturan yang berkenaan atau menggalakkan orang lain untuk berbuat demikian, menjelaskan reputasi AIG dan dengan itu tindakan pembetulan boleh dikenakan. Kegagalan untuk melaporkan salah laku orang lain juga dianggap sebagai perlanggaran Tatakelakuan ini. Tindakan pembetulan boleh termasuk penamatian pekerjaan dan kehilangan manfaat berkaitan dengan pekerjaan.

Penepian Tatakelakuan

Dari semasa ke semasa, AIG boleh meminda atau mengetepikan peruntukan tertentu dalam Tatakelakuan ini. Mana-mana rakan sekerja yang mempercayai bahawa penepian mungkin lebih wajar perlu membincangkan perkara itu dengan pegawai pematuhan yang dilantik. Hanya Lembaga Pengarah AIG atau Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat boleh memberikan pengecualian peruntukan tertentu Tatakelakuan untuk pegawai eksekutif AIG.



Menunaikan Komitmen Kita

S&J

S *Unit Perniagaan saya menetapkan beberapa matlamat yang patut dicapai oleh kami semua. Kadang kala saya berasa tertekan untuk melanggar Tatakelakuan ini demi mencapai semua matlamat itu. Adakah perbuatan ini diterima?*

J Tidak. Walaupun perniagaan yang berjaya sering menetapkan matlamat yang tinggi dan bertungkus lumus untuk mencapainya, anda dilarang sama sekali untuk melanggar Tatakelakuan atau dasar AIG yang lain demi mencapai matlamat anda.

S *Pengurus kami biasanya tidak mengambil sebarang tindakan apabila kemusykilan berkenaan salah laku yang mencurigakan dipanjangkan untuk perhatian beliau. Beliau menyukarkan keadaan untuk rakan sekerja yang telah membangkitkan isu-isu. Sekarang saya mempunyai satu masalah: seorang rakan sekerja sedang melakukan sesuatu yang salah. Apakah yang perlu saya lakukan?*

J Suarakan perkara ini. Tatakelakuan kita menyatakan bahawa anda perlu melaporkan salah laku dan anda boleh melakukannya tanpa berasa risau akan tindakan balas. Memaklumkan kepada pengurus langsung anda biasanya adalah cara yang terbaik untuk menanganai kemusykilan. Walau bagaimanapun, jika anda tidak percaya bahawa cara tersebut wajar, anda harus berbincang dengan ahli pengurusan yang lain, sumber manusia, atau kepada pegawai pematuhan yang dilantik. Selain itu, anda boleh menghubungi atau menghantar laporan dalam talian kepada Talian Bantuan Pematuhan AIG.

S *Jika saya berasa salah satu undang-undang tempatan bercanggah dengan Tatakelakuan, apakah yang saya perlu lakukan?*

J Sekiranya anda percaya undang-undang tempatan bercanggah dengan Tatakelakuan ini, sila bincangkan isu tersebut dengan pegawai pematuhan anda.

Komitmen Kita terhadap Satu Sama Lain

Syarikat AIG dan syarikat terdahulu telah menjadi peneraju dunia dalam bidang insurans selama lebih 100 tahun kerana kita sentiasa percaya akan kekuatan pelbagai individu yang berbakat dalam mewujudkan nilai dan menunjukkan prestasi yang baik kepada pelanggan, rakan pengedar, pemegang saham, dan pihak berkepentingan lain.

Komitmen Kita terhadap Satu Sama Lain

Kepelbagaian, Kesetaraan dan Perangkuman Global

AIG komited kepada rangkuman dan kepelbagaian individu, idea dan kemahiran seperti yang dinyatakan dalam [Dasar Sumber Manusia Global AIG](#).

AIG berusaha untuk menggaji dan menggalakkan bakat terbaik dengan menyediakan persekitaran dinamik yang menarik perhatian individu yang mempunyai pelbagai kemahiran dan idea. Tenaga kerja yang terangkum, pelbagai dan saksama mendorong inovasi dan mengukuhkan kedudukan kita sebagai peneraju pasaran di peringkat global.

AIG bergantung kepada sumbangan individu tempatan yang paling memahami budaya dalam negara dan bidang kuasa di mana kita menjalankan perniagaan. AIG sentiasa berkomitmen untuk mendapatkan kepakaran tempatan dan menyediakan persekitaran perniagaan yang profesional, peluang kepimpinan, dan pampasan yang wajar adil untuk bakat tempatan.

AIG menyediakan peluang kepada semua rakan sekerja untuk belajar, mahir dalam pekerjaan mereka, berkembang maju seiring dengan pertumbuhan organisasi dan menikmati keuntungan dari segi kewangan.

Menghormati Orang Lain

Tingkah laku menghormati orang lain bermaksud bahawa kita tidak mendiskriminasikan berdasarkan umur, etnik, jantina, identiti atau ekspresi jantina, perbezaan bahasa, kewarganegaraan atau negara asal, kehamilan, status keluarga atau perkahwinan, kebolehan kemampuan fizikal, mental dan keupayaan perkembangan, bangsa, agama atau kepercayaan, orientasi seksual, warna kulit, kelas sosial atau ekonomi, pendidikan, gaya kerja dan tingkah laku, gabungan fahaman politik, perkhidmatan ketenteraan, kasta dan sebarang status lain yang dilindungi di bawah undang-undang tempatan yang berkenaan.

Hormat-menghormati juga bermaksud menghargai perbezaan sesama kita. Kita saling menghormati pendapat antara satu sama lain dan memperlakukan semua rakan sekerja dengan adil dan bermaruah.


Menghormati Hak Asasi Manusia

AIG menghormati hak asasi manusia dan komited untuk memastikan bahawa tidak ada amalan tenaga pekerja kanak-kanak, perhambaan moden atau pemerdagangan manusia yang berlaku dalam AIG.

Menunaikan Komitmen Kita

Menghormati Orang Lain

- Memberi peluang kepada rakan sekerja untuk berjaya berdasarkan prestasi dan standard objektif mereka yang sesuai dengan pekerjaan mereka.
- Patuhi undang-undang buruh dan pekerjaan tempatan termasuk undang-undang yang menangani diskriminasi, buli dan gangguan di tempat kerja.
- Menyediakan persekitaran kerja yang bebas gangguan, termasuk gangguan seksual, buli dan diskriminasi di tempat kerja.
- Ajukan sebarang kemosyikilan anda berkenaan persekitaran tempat kerja kepada Sumber Manusia, Hubungan Pekerja atau pegawai pematuhan yang dilantik.



Komitmen Kita terhadap Satu Sama Lain

Persekutaran Kerja Bebas daripada Gangguan dan Intimidasi

AIG tidak akan bertoleransi dengan tingkah laku yang berunsur intimidasi atau pembulian iaitu tingkah laku tidak wajar yang boleh berlaku sekali atau berulangan. Pembulian atau intimidasi boleh berlaku secara langsung atau tidak langsung, sengaja atau tidak sengaja dilakukan oleh seorang individu atau lebih terhadap individu lain atau sekumpulan individu, di tempat kerja dan/atau dalam tempoh pekerjaan. Pembulian atau intimidasi boleh berlaku dalam bentuk lisan, bukan lisan, dala talian/siber, fizikal, gerak isyarat dan kelakuan yang mengecualikan orang lain.

Tempat Kerja Yang Selamat, Sihat dan Terjamin

AIG komited untuk mengendalikan perniagaan dengan cara yang menjamin kesihatan, keselamatan dan perlindungan rakan sekerja dan pelanggan semasa mereka berada di premis AIG. Situasi yang boleh menimbulkan bahaya terhadap kesihatan, keselamatan atau persekitaran mesti dilaporkan segera kepada pihak pengurusan atau Keselamatan Global.

Mengekalkan persekitaran tempat kerja yang selamat memerlukan setiap rakan sekerja kekal berwaspada di pejabat dan di mana sahaja mereka mungkin menjalankan tugas perniagaan bagi pihak AIG. Hubungi pihak pengurusan atau Keselamatan Global jika mendapati sebarang isu yang mungkin menjelaskan keselamatan AIG, kesediaan kecemasan, atau kebakaran dan kesediaan keselamatan nyawa.

AIG memahami bahawa kesihatan dan kesejahteraan rakan sekerja adalah penting untuk kesihatan organisasi Syarikat dan kesannya terhadap bagaimana kita dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, rakan niaga, pemegang saham, komuniti, dan satu sama lain. Kami berdedikasi untuk memupuk budaya tempat kerja yang menggalakkan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial rakan sekerja kami dan tidak akan bertolak ansur terhadap tindakan yang menjelaskan komitmen ini.

Penggunaan Alkohol dan Dadah

Menggunakan, menjual, memiliki atau bekerja di bawah pengaruh dadah yang menyalahi undang-undang di AIG adalah dilarang sama sekali. Penggunaan alkohol yang berlebihan atau tidak wajar semasa melaksanakan urusan untuk AIG juga dilarang sama sekali. Tingkah laku yang tidak wajar akan diadili dan tidak akan dipandang ringan jika berada di bawah pengaruh alkohol atau bahan terlarang yang lain.

Kelakuan Terlarang

Gangguan

- Isyarat atau sentuhan fizikal yang tidak diingini.
- Paparan gambar seksual yang eksplisit atau menyinggung perasaan atau sebarang bahan lain.
- Celaan, gurauan yang tidak sesuai atau komen yang merendahkan (eksplisit atau sindiran).

Keganasan dan Intimidasi

- Tindakan atau ancaman ugutan dan/atau keganasan terhadap rakan sekerja, pelanggan, atau pengunjung sama ada di premis Syarikat atau melalui saluran komunikasinya.
- Tindakan atau ancaman ugutan dan/atau keganasan yang dilakukan oleh rakan sekerja AIG semasa menjalankan urus niaga bagi pihak Syarikat.

Komitmen Kita terhadap Satu Sama Lain

Privasi Pekerja

AIG menghormati maklumat peribadi dan harta benda milik rakan sekerja. Walau bagaimanapun, AIG mesti mengambil beberapa langkah:

- (1) untuk mencegah, mengesan atau menyiasat jenayah, pengubahan wang haram, penipuan, jenayah kewangan dan/atau pelanggaran undang-undang lain yang berkenaan;
- (2) untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan, dan sebarang dasar dan prosedur AIG yang berkenaan, termasuk Tatakelakuan ini;
- (3) untuk melindungi daripadakerugian, kecurian, pengumpulan tanpa kebenaran atau menyalahi undang-undang, penggunaan, pendedahan, pemusnahan atau pemprosesan lain atau penyalahgunaan Maklumat Syarikat AIG;
- (4) untuk mencegah, mengesan atau menyiasat penggunaan Sistem Teknologi Maklumat AIG (“IT Systems”) dan data Sistem IT AIG tanpa kebenaran;
- (5) untuk memastikan operasi Sistem IT AIG (termasuk telefon, e-mel dan Internet) berkesan;
- (6) untuk tujuan perlindungan atau kesihatan dan keselamatan;
- (7) untuk tujuan pentadbiran;
- (8) untuk membantu penyiasatan, aduan, permintaan kawal selia, litigasi, timbang tara, pengantaraan atau prosiding undang-undang atau kewajipan atau permintaan daripada individu;
- (9) untuk menentukan kewujudan fakta (cth., menyimpan rekod urus niaga);
- (10) untuk memastikan pematuhan terhadap amalan atau prosedur kawal selia atau kawal selia kendiri yang berkaitan dengan AIG;
- (11) untuk memastikan atau menunjukkan pencapaian standard atau standard yang seharusnya dicapai oleh pengguna Sistem IT AIG, termasuk pematuhan dengan Tata ini dan dasar, standard, proses, garis panduan AIG lain atau mana-mana terma penggunaan yang berkaitan dengan penggunaan Sistem IT AIG, termasuk tanpa had yang berkaitan dengan keselamatan maklumat dan keselamatan siber;
- (12) dalam proses sokongan operasi dan pembangunan perniagaan kita, seperti menilai kualiti perkhidmatan pelanggan, kecekapan, kos, dan tujuan pengurusan risiko; atau
- (13) untuk apa-apa tujuan lain yang AIG mungkin berhak untuk memantau, seperti yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan.

Untuk maklumat lanjut mengenai topik, sila lihat [Notis Privasi Pekerja](#).

Untuk tujuan rujukan ini, AIG boleh memantau akses anda kepada dan penggunaan Sistem IT AIG dan apa-apa data yang bergerak melalui dan berada di Sistem IT AIG. Untuk maklumat lanjut, sila lihat di [Notis Pemantauan Global AIG](#).

Tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan, rakan sekerja tidak boleh menjangkakan privasi berkenaan dengan penggunaan Sistem IT AIG atau berkenaan apa-apa barang atau maklumat dalam sistem AIG. Sila baca Notis Log Masuk Sistem IT AIG (tersedia untuk semakan semula dan penerimaan apabila anda log masuk ke Sistem IT AIG) untuk maklumat lanjut.

AIG juga boleh memantau dan menyemak semula rakaman langsung dan rakaman video keselamatan, dan rekod akses, yang mungkin dikaitkan dengan premis AIG dan kemudahan lain yang boleh diakses oleh rakan sekerja dan pelawat.

Selain itu, AIG boleh memeriksa, menyemak semula, menyalin dan menyimpan dokumen dan item lain, dalam premis AIG dan kemudahan lain (seperti di stesen kerja, di pejabat, meja, kabinet fail dan lokasi penyimpanan lain).

Tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan, rakan sekerja tidak boleh menjangkakan privasi berkenaan penggunaan premis AIG atau kemudahan lain atau berkenaan apa-apa barang atau maklumat dalam premis atau kemudahan lain AIG oleh mereka.



Komitmen Kita terhadap Satu Sama Lain

Apakah Maklumat Syarikat AIG?

Maklumat Syarikat AIG merujuk kepada maklumat yang Sangat Sulit, Sulit, atau Dalaman, (seperti yang ditentukan dalam [Dasar](#) dan [Standard Pengendalian Maklumat Global AIG](#)). Kategori ini termasuk kedua-dua Maklumat Peribadi dan Maklumat Perniagaan.

Contoh Maklumat Syarikat AIG termasuk, tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

Sangat Sulit

Maklumat Peribadi yang Sensitif: Nama dan nombor pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan, nombor akaun kewangan atau maklumat perubatan atau kesihatan

Maklumat Perniagaan

- Maklumat kewangan sensitif AIG Bukan Awam
- Maklumat mesyuarat Lembaga Pengarah
- Rahsia perdagangan
- Aktiviti perniagaan dicadangkan Bukan Awam
- Komunikasi terlindung peguam-pelanggan, hasil kerja peguam dan dokumentasi terlindung lain

Sulit

Maklumat Peribadi: Data nama dan pampasan atau butiran hubungan peribadi tidak disediakan untuk penerbitan kepada tenaga kerja

Maklumat Perniagaan

- Senarai pelanggan komersial
- Polisi insurans atau maklumat tuntutan pihak diinsuranskan atau penuntut yang melibatkan komersial
- Penyelidikan pasaran dan analisis risiko

Dalam

Maklumat Peribadi: Nama, dan Nombor Pengenalan Pekerja

Maklumat Perniagaan

- Surat-menyerat dalaman yang tidak sensitif dalam kalangan pekerja
- Pelan atau teknik pemasaran yang tidak sensitif
- Maklumat disimpan di intranet AIG



Komitmen Kita terhadap Satu Sama Lain

S&J

S *Pengurus saya dan beberapa orang rakan sekerja bergurau dengan jenaka yang berunsurkan seks menyebabkan saya berasa amat jijik. Saya tidak mengadu sebab saya tahu mereka akan memberitahu saya supaya menjaga tepi kain sendiri atau menuduh saya menimbulkan masalah tanpa sebab. Adakah mereka betul?*

J Tidak, mereka salah. Jenaka yang berunsur s eks dan menyinggung perasaan, walaupun dalam perbualan peribadi yang mungkin didengar orang lain secara tidak sengaja, boleh dianggap sebagai gangguan. Pertama sekali, anda hendaklah cuba berbincang dengan pengurus dan rakan sekerja anda. Sekiranya cara ini tidak berkesan, atau anda berasa kurang selesa untuk berbuat demikian, berbincanglah dengan wakil Sumber Manusia atau menghubungi Pegawai Pematuhan yang dilantik atau hubungi HR Shared Services di HRSharedServices@aig.com.

S *Bukankah isu kepelbagaiian hanya wujud di A.S.? Kenapa ia terkandung dalam Tatakelakuan untuk perusahaan global seperti AIG?*

J Kepelbagaiian merupakan suatu isu di seluruh dunia. Kita selalu bekerja bersama-sama untuk menggunakan bakat yang unik dan kepelbagaiian perspektif tenaga kerja global. Kepelbagaiian ialah salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan AIG. Untuk membuat keputusan yang baik dan memberi perkhidmatan kepada pelanggan kita di seluruh dunia, kita memerlukan spektrum perspektif dan latar belakang yang meluas.

S *Saya terdengar pengurus saya sedang berbincang dengan salah seorang rakan kerja beliau tentang maklumat peribadi yang terkandung dalam rekod perubatan salah seorang rakan kerja lain. Apakah yang perlu saya lakukan?*

J Maklumat perubatan atau kesihatan ialah Maklumat Peribadi Sangat Sulit dan Sensitif dan mesti dirahsiakan seketatnya. Perkongsian maklumat sedemikian secara tidak wajar adalah melanggar dasar Pengendalian Maklumat Global AIG. Anda mesti bangkitkan mengemukakan isu ini kepada kakitangan pegawai pengurusan yang sesuai. Sekiranya anda berasa tidak selesa untuk menyuarakan isu ini kepada pihak pengurusan, sila laporkan perkara tersebut kepada Sumber Manusia atau pegawai pematuhan yang dilantik. Sebagai tambahan, anda boleh menghubungi Talian Bantuan Pematuhan AIG, tertakluk kepada undang-undang tempatan.

Komitmen Kita dalam Pasaran

AIG dikenali sebagai peneraju pasaran. Kita gigih bersaing untuk mencipta peluang baharu untuk pelanggan kita dan pihak berkepentingan lain. Kita hanya mencari kelebihan kompetitif melalui amalan perniagaan beretika dan sah di sisi undang-undang.

Komitmen Kita dalam Pasaran


Privasi Pelanggan dan Keselamatan Data

Pelanggan kita mengharapkan kita memelihara dan mengendali maklumat yang dikongsi oleh mereka, dengan cermat. Jangan sekali-kali menjejaskan kepercayaan pelanggan dengan mendedahkan Maklumat Sangat Sulit atau Maklumat Sulit pelanggan, termasuk Maklumat Peribadi, dalam cara yang bercanggah dengan dasar notis privasi AIG dan notis atau kepada mereka yang tidak mempunyai keperluan perniagaan yang sah untuk maklumat sedemikian.

Klasifikasi maklumat sebagai Maklumat Peribadi mungkin berbeza mengikut negara. Rakan sekerja yang mengendalikan maklumat pelanggan bertanggungjawab mengetahui dan mematuhi undang-undang privasi data dan keselamatan maklumat yang berkenaan. Kita mesti mengekalkan langkah berjaga-jaga fizikal, pentadbiran dan teknikal yang wajar ke atas Maklumat Sangat Sulit atau Sulit pelanggan, termasuk Maklumat Peribadi dalam semua kes dikendalikan.

Kita perlu berwaspada terutamanya dalam mematuhi undang-undang, peraturan dan dasar semasa berkongsi Maklumat Peribadi dengan pihak lain (walaupun untuk tujuan perniagaan yang sah) dan memindahkan Maklumat Peribadi merentasi sempadan negara, khususnya kepada penguatkuasa undang-undang atau badan kerajaan dalam bidang kuasa asing. Jika anda ada sebarang pertanyaan tentang privasi data dan/atau keselamatan maklumat, rujuk kepada pengurus anda, penasihat undang-undang unit perniagaan, pegawai privasi, pegawai pematuhan yang dilantik atau Pejabat Privasi.

Rakan sekerja mesti segera melaporkan insiden yang melibatkan kompromi kerahsiaan, integriti atau ketersediaan Maklumat Peribadi, atau peningkatan risiko kompromi tersebut (“Insiden Risiko Privasi”), termasuk yang melibatkan Pihak Ketiga, kepada Pasukan Privasi AIG yang sesuai dan, jika insiden itu berkaitan dengan IT, atau boleh menimbulkan risiko keselamatan maklumat kepada maklumat selain daripada Maklumat Peribadi, juga kepada Pusat Pertahanan Risiko Siber global. Untuk maklumat tambahan mengenai topik ini, sila lihat [Dasar Pengendalian Maklumat Global](#) dan [Standard AIG](#).



Komitmen Kita dalam Pasaran

Konflik Kepentingan

Kedudukan anda di AIG tidak boleh digunakan untuk memperoleh pendapatan peribadi atau kelebihan yang tidak wajar kepada anda atau ahli keluarga anda. Sebarang situasi yang mewujudkan, atau kelihatan seperti mewujudkan, konflik kepentingan antara kepentingan peribadi dan kepentingan AIG, mesti dilakukan. [Dasar Konflik Kepentingan Global AIG](#) menggariskan contoh untuk membantu rakan sekerja mengenal pasti konflik yang berpotensi dan menetapkan prosedur untuk melaporkan konflik sedemikian.

Potensi konflik kepentingan harus dilaporkan kepada pihak pengurusan, yang akan bekerjasama dengan pegawai pematuhan yang dilantik untuk menentukan cara terbaik untuk menangani situasi tersebut.

Rakan sekerja tidak boleh terlibat dalam sebarang tindakan (cth, menerima jawatan luar, menerima hadiah atau hiburan yang sedang dipersoalkan, bertanding jawatan awam, dsb.) sehingga mereka menerima kelulusan bertulis untuk berbuat demikian oleh pengurus mereka dan Pegawai Pematuhan yang berkenaan , seperti yang dinyatakan dalam Dasar.

Menunaikan Komitmen Kita

Konflik Kepentingan

- Sentiasa membuat keputusan demi kepentingan terbaik AIG dan pelanggan kita - bukan untuk kepentingan peribadi.
- Sentiasa sedar bagaimana aktiviti peribadi boleh mengakibatkan konflik yang berkemungkinan, seperti mengambil kerja kedua dengan atau membuat pelaburan dalam syarikat pelanggan, pembekal, atau pesaing AIG.
- Berbincang dengan pengurus anda tentang sebarang keadaan yang boleh dikatakan sebagai konflik kepentingan.
- Tangani situasi yang mungkin meletakkan kepentingan diri anda atau ahli keluarga atau rakan anda dalam keadaan yang berkonflik dengan AIG secara proaktif.

Peluang Korporat

Rakan sekerja dilarang mengarahkan pihak ketiga mahupun mengambil untuk diri sendiri suatu peluang perniagaan yang diketahui melalui penggunaan harta, maklumat atau jawatan korporat AIG, kecuali jika AIG telah ditawarkan dan telah menolak peluang tersebut. Rakan sekerja adalah dilarang sama sekali untuk menggunakan harta milik korporat, maklumat atau jawatan korporat untuk mendapat keuntungan peribadi hingga mengenepekan AIG dan dengan melibatkan diri dalam perniagaan luar atau daripada bersaing dengan AIG.

Hubungan Peribadi

Rakan sekerja dijangka untuk mengurus perhubungan peribadi di tempat kerja (cth., pekerjaan saudara mara, perhubungan intim) dengan cara yang menghindari apa-apa konflik sebenar atau yang disyaki antara perhubungan peribadi/keluarga dan tanggungjawab kerja serta produktiviti.

Ahli keluarga terdekat, ahli isi rumah anda dan individu yang mempunyai hubungan peribadi yang erat dengan anda, tidak boleh sama sekali mempengaruhi keputusan perniagaan secara tidak wajar.

Untuk maklumat tambahan mengenai topik ini, sila lihat [Dasar Sumber Manusia Global AIG](#), yang mesti dibaca bersama dengan buku panduan dan standard pekerja tempatan (jika ada). Jika anda ada sebarang pertanyaan atau pendedahan, sila hubungi Sumber Manusia, Perhubungan Pekerja atau pegawai pematuhan yang dilantik.

Aktiviti Luar

AIG menghormati privasi semua rakan sekerjanya; namun, melainkan jika anda berada di negara di mana pelaporan tersebut dilarang oleh undang-undang tempatan, anda mesti mendedahkan dan menerima kelulusan pengurusan dan Pematuhan untuk penglibatan dalam jenis khas untuk aktiviti luar, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, beberapa aktiviti berikut:

- **Perkhidmatan dengan perniagaan luar atau persatuan perdagangan, sebagai pekerja, ahli lembaga, pegawai, pemegang amanah, rakan kongsi atau perunding,** tanpa menghiraukan sama ada perniagaan tersebut telah pun buat masa ini atau ingin bekerjasama dengan AIG, perniagaan tersebut merupakan pesaing atau ingin bersaing dengan AIG, atau anda diberi pampasan; kelulusan bertulis daripada pengurus anda dan pegawai pematuhan yang dilantik diperlukan sebelum anda terlibat dalam aktiviti luar seperti ini. Kelulusan Pengurusan dan Pematuhan mesti diperbaharui pada setiap tahun dan setiap kali terdapat perubahan pada fakta relevan yang telah menyokong pemberian kelulusan asal. Peruntukan

Komitmen Kita dalam Pasaran

ini tidak diguna pakai pada perkhidmatan dalam lembaga koperasi, persatuan kondominium atau entiti serupa di tempat kediaman anda, atau syarikat induk, amanah atau entiti serupa yang ditubuhkan semata-mata untuk perancangan cukai atau harta pusaka anda atau keluarga anda, atau penyertaan dalam mana-mana lembaga entiti yang AIG atau anak syarikat AIG telah meminta rakan sekerja untuk berkhidmat.

- **Perkhidmatan dengan yayasan, badan amal atau organisasi bukan untung, di mana anda dibayar untuk perkhidmatan anda, atau anda memegang jawatan yang bertanggungjawab mengenai hal-hal kewangan atau fidisiari** (contohnya, berkhidmat sebagai Bendahari, ahli Jawatankuasa Audit atau ahli Jawatankuasa Pelaburan untuk Lembaga Pengarah organisasi); kelulusan bertulis daripada pengurus anda atau pegawai pematuhan yang dilantik diperlukan terlebih dahulu sebelum anda terlibat dalam aktiviti luar seperti ini. Kelulusan Pengurusan dan Pematuhan mesti diperbaharui pada setiap tahun dan setiap kali terdapat perubahan pada fakta relevan yang telah menyokong pemberian kelulusan asal. Peruntukan ini tidak terpakai kepada aktiviti “Masa Rehat Sukarela” yang tertakluk kepada Garis Panduan Program Masa Sukarela AIG.
- **Pembentangan, ceramah atau perkhidmatan dalam panel di mana anda ditawarkan bayaran, royalti, honorarium atau bayaran lain;** kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada pengurus anda dan pegawai pematuhan yang ditetapkan diperlukan sebelum menerima apa-apa yuran dan anda mungkin dikehendaki menyerahkan yuran yang diterima kepada AIG. Selain itu, sebarang bahan yang akan digunakan semasa pembentangan, ceramah atau panel mungkin perlu disemak sebelum pembentangan tersebut menurut dasar AIG atau unit perniagaan.
- **Berkhidmat sebagai pegawai awam (cth., ahli, pegawai, pengarah atau pekerja entiti kerajaan, termasuk mana-mana agensi, lembaga pihak berkuasa atau penasihat) atau sebagai lantikan entiti kerajaan atau bertanding untuk jawatan yang dipilih;** kelulusan bertulis mesti diperolehi terlebih dahulu daripada Ketua Pegawai Pematuhan Global AIG dan lantikannya dan pengurus anda. Kelulusan mesti diperbaharui sebelum tempoh penggal tamat dan sebelum menyertai pemilihan semula atau pelantikan semula.

Sepanjang penglibatan diri anda dalam usaha sokongan komuniti yang bukan program tajaan AIG, anda tidak dibenarkan sama sekali untuk memberikan gambaran pengendorsan AIG terhadap usaha tersebut, bagi mengelakkan kelihatan berlakunya sebarang konflik kepentingan AIG.

Hadiah dan Hiburan

Hadiah sederhana dan hiburan yang sesuai boleh membantu dalam menjalinkan perhubungan perniagaan yang lebih erat, namun penghargaan perniagaan seperti ini, sama ada diberi atau diterima oleh rakan sekerja, mestilah tidak mempengaruhi keputusan perniagaan.

Hadiah merupakan apa-apa barang dalam sebarang nilai wang yang diberikan kepada atau oleh rakan sekerja, untuk atau daripada, pekerja bukan AIG di mana terdapat, atau mempunyai potensi, hubungan perniagaan antara pihak-pihak tersebut. Hiburan merupakan peristiwa yang dengan tujuan perniagaan tertentu dan termasuk kehadiran kedua-dua rakan sekerja AIG dan pekerja bukan AIG. Sekiranya hanya seorang rakan sekerja AIG yang hadir di acara, rakan sekerja AIG itu mesti mempertimbangkan subjek hadiah dan tertakluk kepada had nilai kewangan yang dikenakan.

Sekiranya anda ditawarkan hadiah atau hiburan yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam [Dasar Konflik Kepentingan Global AIG](#), sila tolak hadiah atau hiburan tersebut secara sopan. Sekiranya menolak hadiah akan menyinggung perasaan atau menyakiti hubungan perniagaan, terima hadiah itu bagi pihak AIG dan hantar kepada pengurus anda, dia dan pegawai pematuhan yang dilantik akan menentukan cara melupuskan hadiah yang sesuai.

Wang tunai atau bersamaan dengan wang tunai, termasuk sijil hadiah, cek, cek kembala atau kiriman wang, sekuriti pelaburan, instrumen boleh runding, bayaran caj kad kredit atau barang yang serupa, tidak boleh diterima atau ditawarkan sebagai hadiah – tidak kira apa pun nilainya.

Unit perniagaan atau rantau/lokaliti boleh mengenakan sekatan dan keperluan laporan tambahan bagi hadiah dan hiburan. Rakan sekerja bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua dokumen Dasar yang berkenaan dengannya.



Komitmen Kita dalam Pasaran

Hadiah atau hiburan yang wajar, sama ada diberi atau diterima, hendaklah:

- Mempunyai tujuan perniagaan yang tertentu.
- Mempunyai cita rasa yang baik dan tidak terlalu mewah, atau berlebihan.
- Kekerapan yang munasabah apabila melibatkan sumber yang sama.
- Dibenarkan oleh dasar AIG dan organisasi penerima.
- Munasabah, biasa, mengikut adat resam dan sah di sisi undang-undang dalam negara atau rantau di mana pertukaran dilakukan.
- Tidak bertujuan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan.
- Tidak diminta oleh rakan sekerja AIG.
- Bukan wang tunai atau setara dengan tunai (cth., sijil hadiah), tanpa mengira amauan.
- Jika hadiah, nilainya tidak melebihi USD \$150.

Menunaikan Komitmen Kita

Hadiah dan Hiburan

- Jangan benarkan hadiah dan hiburan perniagaan, sama ada yang diberi atau diterima, untuk mempengaruhi keputusan perniagaan secara tidak wajar.
- Ingat bahawa sekiranya penderma tidak hadir, maka hiburan itu tertakluk pada dasar hadiah-hadiah.
- Hormati sensitiviti tempatan dan budaya semasa memberi dan menerima hadiah dan hiburan perniagaan.
- Jangan beri atau terima hadiah mewah atau hiburan yang melampau.
- Jangan minta hadiah, pertolongan atau hiburan.
- Laporkan kepada pengurus anda dan pegawai pematuhan yang dilantik sekiranya menerima sebarang hadiah bernilai lebih daripada USD \$150, dan serahkan kepada mereka untuk pelupusan.
- Kelulusan secara bertulis diperlukan terlebih dahulu daripada pengurus anda dan pegawai pematuhan yang dilantik sebelum memberi hadiah bernilai lebih daripada USD \$150 kepada mana-mana pegawai bukan kerajaan.
- Jangan tawarkan sesuatu yang akan dianggap sebagai rasuah atau bayaran atau hadiah lain yang tidak wajar. Apabila memberi hadiah atau hiburan untuk pegawai kerajaan, patuh [Dasar Antirasuah AIG](#). Memerlukan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada pengurus anda dan pegawai pematuhan yang dilantik sebelum menyediakan: makanan yang melibatkan pegawai kerajaan yang bernilai lebih daripada USD \$50 atau hadiah, perjalanan atau hospitaliti lain pada sebarang jumlah kepada pegawai kerajaan.

Hadiah dan Hiburan untuk kepada Pegawai Kerajaan

AIG terlibat dalam perniagaan dengan ramai pelanggan yang dimiliki atau dikawal oleh kerajaan. Ini termasuk bank pusat, kementerian kewangan, dana penceran dan perusahaan lain (termasuk syarikat penerbangan dan bank komersial). Kebanyakan wakil klien ini mungkin disifatkan sebagai pegawai kerajaan menurut undang-undang antirasuah tempatan atau antarabangsa yang berkenaan. Kesimpulannya, rakan sekerja yang berhubung dengan pelanggan kerajaan mesti mengetahui isu dan risiko berpotensi yang mungkin timbul apabila berurusan dengan pelanggan itu.

Berhati-hati semasa memberi hadiah dan hiburan kepada klien sedemikian. Sebarang hadiah, hiburan atau perjalanan mesti selaras dengan [Dasar Antirasuah AIG](#) dan undang-undang tempatan. AIG menjalankan perniagaan di banyak negara yang mengehadkan nilai hadiah, hiburan dan perjalanan yang boleh diterima oleh pegawai kerajaan mereka.

Selain mematuhi [Dasar Antirasuah AIG](#), kesemua perjalanan, hadiah dan hiburan yang diberikan kepada pegawai kerajaan mestilah mematuhi [Dasar Pengurusan Perbelanjaan Global AIG](#) dan mana-mana dasar perniagaan yang berkuat kuasa.

Komitmen Kita dalam Pasaran

Hubungan dengan Rakan Niaga Kita

Rakan niaga kita berkhidmat sebagai cabang kepada AIG. Semasa bekerja bagi pihak syarikat AIG, rakan niaga dijangkakan mematuhi kandungan Tatakelakuan, [Kod Tingkah Laku Pihak Ketiga dan Pembekal AIG](#) dan mana-mana peruntukan kontrak yang berkenaan.

Rakan niaga tidak boleh melakukan tindakan yang dilarang atau yang dianggap kurang wajar kepada seseorang rakan sekerja. Kita mesti memastikan pelanggan, pengeluar, ejen dan pembekal tidak mengeksplotasi hubungan mereka dengan AIG atau melakukan penipuan, transaksi tidak beretika atau tidak jujur atas nama AIG.

Rakan niaga AIG dijangka tidak mewujudkan insentif kepada rakan sekerja atau pihak lain yang berurusan dengan AIG untuk melanggar standard Tatakelakuan.

Kepelbagaian Pembekal

AIG komited kepada rangkuman, pertimbangan dan penglibatan Pelbagai Pembekal sepertimana didefinisikan dan digariskan dalam [Dasar Kepelbagaian Pembekal AIG](#). AIG berusaha membina hubungan perkongsian dengan pelbagai perniagaan. Kita amat menghargai pembekal yang berkongsi dedikasi dan komitmen AIG terhadap rangkuman, kepelbagaian dan berusaha untuk memastikan pertumbuhan dan komitmen menyokong alam sekitar, sosial dan tadbir urus.

Setiap daripada kita diharapkan untuk menyokong [Dasar Kepelbagaian Pembekal AIG](#) dengan menggalakkan penggunaan pembekal yang memenuhi syarat kelayakan dasar.

Menunaikan Komitmen Kita

Hubungan dengan Rakan Niaga Kita

- Mahirkan diri dengan amalan perniagaan ejen AIG dan wakil lain untuk memastikan cara yang betul digunakan untuk menyampaikan perkhidmatan kita.
- Melaksanakan usaha wajar berkenaan bakal ejen, perunding, kontraktor bebas dan pembekal sebelum melibatkan perkhidmatan mereka.
- Jangan memaksa atau menggalakkan pembekal atau ejen AIG untuk terlibat dalam aktiviti yang tidak wajar.
- Menghormati dan bertimbang rasa terhadap pembekal, ejen, dan wakil lain.



Komitmen Kita dalam Pasaran

Berurusan Secara Adil

AIG hanya mengejar kelebihan kompetitif melalui amalan perniagaan yang beretika dan sah di sisi undang-undang. Setiap daripada kita hendaklah menjalankan urus niaga secara adil dengan pelanggan, pembekal perkhidmatan, pembekal dan pesaing kita. Jangan merendah-rendahkan pesaing atau produk dan perkhidmatan mereka. AIG tidak akan bertolak ansur terhadap perbuatan mengambil kesempatan terhadap sesiapa melalui manipulasi, penyembunyian, penyalahgunaan maklumat istimewa, memberikan fakta salah dengan sengaja atau sebarang amalan lain yang tidak adil.

Menunaikan Komitmen Kita

Berurusan Secara Adil

- Jalankan perniagaan dengan pelanggan dan pembekal dengan cara yang menunjukkan komitmen kita untuk bersaing secara adil.
- Sediakan maklumat pemasaran yang benar dan tepat.
- Kumpulkan maklumat mengenai pesaing hanya berdasarkan kaedah yang wajar dan sah di sisi undang-undang dan menerusi cara yang mengukuhkan integriti AIG.
- Jangan sesekali menggunakan kaedah yang tidak wajar atau boleh dipersoalkan untuk mengumpulkan maklumat mengenai pesaing.
- Jangan sesekali memberikan gambaran yang salah tentang diri anda atau tujuan anda dalam interaksi perniagaan dengan pelanggan atau rakan niaga AIG semasa atau berpotensi.

Tanda Amaran

Antiamanah dan Persaingan Adil

Undang-undang antiamanah dan persaingan adalah berbeza di antara negara dan negeri. Perbezaan ini menyebabkan tindakan tertentu dibenarkan di sesetengah negara atau negeri dan dilarang di tempat yang lain. Sekiranya anda menghadapi mana-mana aktiviti berikut dan kurang pasti sama ada aktiviti ini adalah sah, hubungi pegawai pematuhan yang dilantik dan dapatkan nasihat cara untuk meneruskan:

- Percubaan untuk menetap atau mengawal harga jualan semula pelanggan.
- Membuat jualan sebarang produk atau perkhidmatan tertakluk kepada pembelian produk atau perkhidmatan yang lain oleh pelanggan tersebut.
- Menawarkan harga atau syarat yang lebih baik kepada seorang pelanggan berbanding yang ditawarkan kepada pesaing yang berada dalam keadaan yang setanding.
- Menyekat seorang pelanggan atau pembekal daripada berurusan dengan seorang pesaing.
- Menjual produk atau perkhidmatan di bawah kos atau amalan penetapan harga atau promosi lain yang tidak adil.

Komitmen Kita dalam Pasaran

Antipakat dan Persaingan Adil

AIG bersaing secara bersungguh-sungguh dan adil di seluruh dunia. Kita berusaha untuk mengelakkan dan mengembangkan perniagaan kita melalui produk dan perkhidmatan terunggul – bukan melalui amalan yang tidak wajar atau antikompetitif. Kita berusaha untuk memahami dan mematuhi undang-undang persaingan dan antipakat global.

Undang-undang ini adalah rumit. Rakan sekerja yang kurang pasti tentang amalan yang betul perlu merujuk kepada pegawai pematuhan yang dilantik untuk maklumat dan penjelasan tambahan. Panduan berikut boleh membantu memastikan tatakelakuan perniagaan yang adil dan persaingan yang sihat. Untuk maklumat lanjut mengenai topik ini, sila lihat [Dasar Antipakat dan Persaingan Global AIG](#).

 LAKUKAN	 JANGAN LAKUKAN
<ul style="list-style-type: none">Bersaing secara bersungguh-sungguh dan sah di sisi undang-undang dalam setiap pasaran yang disertai oleh AIG, membuat semua keputusan perniagaan demi kepentingan terbaik AIG.Dapatkan maklumat mengenai pesaing AIG hanya daripada sumber yang sah di sisi undang-undang.Memberi komen tentang produk atau perkhidmatan pesaing berdasarkan maklumat fakta sahaja.	<ul style="list-style-type: none">Bersetuju secara rasmi atau tidak rasmi dengan pihak pesaing untuk menetapkan harga atau syarat jualan yang lain, membuat penipuan bida, menetapkan tahap pengeluaran atau jualan, atau mengagihkan pelanggan, pasaran atau wilayah.Berbincang dengan mana-mana pesaing mengenai perkara berikut: harga, bida, jualan pelanggan, komisen, dan syarat jualan, keuntungan, margin, kos, pengeluaran, inventori, bekalan, pelan pemasaran atau maklumat persaingan yang sensitif.Menghadiri mesyuarat dengan pesaing, berbincang tentang maklumat sensitif, termasuk subjek yang disebut pada dua titik tumpu di atas, ada dibincangkan.Bersetuju dengan pihak lain selain daripada AIG sebagai pembekal atau pelanggan yang boleh untuk menjalankan perniagaan.Membuat perbandingan yang tidak berasas atau tidak benar antara pesaing, produk atau perkhidmatan mereka.Mendapatkan maklumat persaingan yang sensitif daripada pesaing AIG atau sesiapa yang diketahui mempunyai kewajipan kerahsiaan terhadap pesaing sedemikian.Bersetuju, secara formal atau tidak formal, dengan pihak ketiga untuk tidak merekrut, mencari atau mengambil berkerja pekerja masing-masing.

Komitmen Kita dalam Pasaran



Maklumat Persaingan

AIG melarang penggunaan kaedah yang tidak sah atau tidak beretika untuk mendapatkan maklumat sulit pesaing atau pembekal, termasuk rahsia perdagangan. Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai pesaing AIG hanya melalui sumber yang sesuai dan sah di sisi undang-undang. Anda tidak boleh mendapatkan maklumat berdaya saing yang sensitif daripada pesaing AIG atau sesiapa yang diketahui mempunyai kewajipan atas kesulitan kepada pesaing ini.

Jangan sekali-kali mendapatkan, mendedahkan atau menggunakan rahsia perdagangan pihak lain secara tidak wajar. Tawaran maklumat sulit yang mungkin telah didapatkan secara tidak wajar mestilah dilaporkan dengan segera yang dilantik.

Tanda Amaran

Gunakan dengan Berhati-hati Apabila Mendapatkan Perisikan Persaingan, Seperti:

- Menyimpan dokumen atau rekod komputer daripada bekas majikan.
- Memaksa atau menggalakkan rakan kerja baharu untuk membincangkan maklumat sulit tentang bekas majikan.
- Mendapatkan maklumat melalui sebarang kelakuan yang boleh ditafsirkan sebagai “pengintipan” atau “perisikan” atau melalui cara yang enggan anda dedahkan sepenuhnya.
- Bergantung secara tidak munasabah kepada dakwaan pihak ketiga bahawa risikan perniagaan telah didapatkan dengan cara yang betul.

Komitmen Kita dalam Pasaran

S&J

S *Adakah undang-undang data privasi hanya merangkumi Maklumat Peribadi Sensitif, seperti data perubatan, nombor Kad Pengenalan nombor kad kredit dan nombor akaun pencen?*

J Tidak. Undang-undang data privasi berpotensi merangkumi semua maklumat yang mengenal pasti atau dikaitkan dengan individu yang dapat dikenal pasti. Contohnya, butiran hubungan, keutamaan, alamat protokol internet (“IP”), suara dan gambar dianggap sebagai Maklumat Peribadi yang dilindungi oleh undang-undang privasi data apabila maklumat itu boleh dikaitkan dengan individu yang dapat dikenali pasti.

S *Apakah yang dimaksudkan dengan tujuan perniagaan yang sah untuk menerima hadiah atau hiburan?*

J Rakan sekerja dibayar oleh AIG untuk bertindak demi kepentingan terbaik AIG. Contoh tujuan perniagaan yang sah untuk menerima hiburan ialah memakan tengah hari dengan rakan niaga untuk membincangkan isu perniagaan dan menjalin hubungan kerja yang lebih kukuh. Sebaliknya, menerima hadiah barang peribadi seperti barang kemas tidak mendatangkan manfaat kepada kepentingan perniagaan AIG. Hadiah itu mesti ditolak kerana ia mungkin menjelaskan kesetiaan rakan sekerja atau mewujudkan perasaan terhutang budi kepada pihak pemberi.

S *Bagi membantu saya melaksanakan tugas dengan lebih baik di AIG, saya menyimpan beberapa dokumen daripada bekas majikan saya. Dokumen ini menggambarkan inisiatif pemasaran yang digunakan oleh bekas majikan saya. Bolehkah saya gunakan dokumen ini di AIG?*

J Sekiranya dokumen itu mengandungi maklumat sulit atau proprietari bekas majikan anda, maka anda tidak boleh menggunakan atau berkongsi maklumat ini. AIG mengharapkan semua rakan kerja menghormati sebarang pendedahan atau batasan penggunaan maklumat sulit yang diperoleh daripada bekas majikan atau pihak ketiga lain. Anda seharusnya tidak menggunakan atau berkongsi maklumat ini sehingga anda merujuk kepada pegawai pematuhan yang dilantik.

Komitmen Kita kepada Pemegang Saham

Pemegang saham mengamanahkan aset mereka kepada kita. AIG melindungi aset ini melalui tindakan berintegriti dalam semua amalan perniagaan.

Komitmen Kita kepada Pemegang Saham

Pelaporan Kewangan dan Cukai

Pemegang saham, rakan niaga, pengawal selia, penganalisis dan orang awam bergantung pada integriti laporan kewangan dan rekod cukai kami untuk menilai keputusan operasi dan kedudukan kewangan AIG serta menyokong keputusan mereka.

Laporan kewangan kita mestilah benar, lengkap, terkini, adil, tepat dan mudah difahami. Hanya rakan sekerja yang dibenarkan boleh memberi laporan kewangan kepada pihak luar untuk memastikan kita memenuhi standard ini secara konsisten.

Kita mesti serahkan pendedahan cukai dengan mematuhi undang-undang cukai yang diguna pakai dalam bidang kuasa di mana kita beroperasi, dan ia mesti tepat dan lengkap. Kita tidak akan memudahkan apa-apa aktiviti oleh mana-mana orang yang berniat untuk melanggar undang-undang cukai yang berkenaan termasuk mengelakkan pembayaran cukai atau menyembunyikan maklumat daripada pihak berkuasa cukai. Selanjutnya, hanya rakan kerja dan ejen yang diberi kuasa boleh memberikan maklumat mengenai hal ehwal cukai AIG kepada pihak luar.

Rekod Perniagaan Tepat

Rekod perniagaan mesti sentiasa disediakan dengan jujur dan tepat. Maklumat rekod perniagaan tidak boleh dipalsukan atau diubah. Kita tidak patut bersikap tidak jujur atau mengelirukan semasa mengekalkan rekod AIG, atau cuba mengelirukan pengurusan AIG, juruaudit, pengatur atau pemegang saham. Rekod perniagaan termasuk maklumat dalam sebarang media, termasuk salinan keras, rekod elektronik, e-mel, mesej segera, video dan media penyimpanan elektronik.

Pengurusan Rekod

Kita mesti sentiasa mematuhi [Dasar Pengurusan Rekod & Maklumat Global AIG](#) dan semua dasar, standard, garis panduan dan prosedur pengurusan rekod dan maklumat lain yang berkuat kuasa. Dokumen ini menentukan pengekalan dan pelupusan semua maklumat yang dihasilkan, diterima atau diselenggarakan oleh AIG dalam sebarang bentuk media, termasuk tetapi tidak terhad kepada salinan keras, rekod elektronik, e-mel, mesej segera, video dan media penyimpanan elektronik.

Kita mesti mengekalkan maklumat yang mempunyai nilai ketara kepada operasi dan pentadbiran AIG dan/atau maklumat yang tertakluk kepada undang-undang, peraturan atau keperluan pengekalan perniagaan (“Rekod Syarikat”) untuk tempoh masa yang dinyatakan dalam jadual pengekalan (“Jadual Pengekalan”) yang sesuai. Walaupun begitu, bukan

Rekod Syarikat, termasuk salinan, draf, maklumat sementara dan Rekod Syarikat yang sudah melepassi tempoh pengekalan mengikut Jadual Pengekalan yang berkenaan perlu dilupuskan selagi tidak tertakluk kepada Notis Pemeliharaan.

“Notis Pemeliharaan” (kadang-kadang dirujuk sebagai pegangan undang-undang) ialah arahan kepada rakan sekerja daripada penasihat undang-undang dalaman AIG untuk memelihara dokumen atau maklumat – sama ada disimpan dalam bentuk kertas atau elektronik dan di mana ada maklumat itu disimpan atau diselenggarakan – berkaitan dengan litigasi yang belum selesai atau dijangkakan dengan munasabah.

Apabila anda menerima Notis Pemeliharaan anda perlu mengambil langkah segera untuk memelihara – dan tidak boleh memadam, menghapuskan, atau selainnya mengubah dengan apa jua cara – mana-mana dokumen dan maklumat yang dikelaskan dalam kategori yang dinyatakan dalam Notis Pemeliharaan sehingga anda menerima notis bertulis daripada penasihat undang-undang dalaman AIG bahawa Notis Pemeliharaan tersebut tidak lagi berkuat kuasa, tanpa mengira sama ada tempoh pengekalan yang dinyatakan dalam Jadual Pengekalan sudah tamat ataupun tidak. Pertanyaan mengenai Notis Pemeliharaan perlu diajukan kepada individu yang mengeluarkan Notis Pemeliharaan tersebut.



Komitmen Kita kepada Pemegang Saham

Melindungi Sumber AIG

Perlindungan individu dan harta benda individu diutamakan oleh AIG. Peranan kumpulan Keselamatan Global dalam syarikat itu diasaskan pada prinsip-prinsip yang direka untuk menyokong perlindungan dan keselamatan kakitangan, pelanggan dan aset fizikal AIG.

Harta Benda Fizikal

Harta benda AIG, termasuk harta tanah, infrastruktur data, peralatan dan bekalan, mesti dilindungi daripada penyalahgunaan, kerosakan, kecurian atau pengendalian lain yang tidak wajar.

Keselamatan Peribadi

Keselamatan Global berfungsi untuk mengenal pasti dan mengurangkan risiko terhadap rakan sekerja, aset dan harta benda AIG melalui latihan, teknologi dan kepakaran kakitangannya; terdiri daripada pelbagai pasukan keselamatan serantau yang berpusat di seluruh dunia dengan latar belakang penguasaan undang-undang, ketenteraan dan keselamatan sektor swasta.

Pusat Operasi Keselamatan Global (Global Security Operations Center, GSOC) jabatan beroperasi 24/7, mengumpul dan menganalisis data sementara bertindak secara proaktif terhadap insiden keselamatan.

Rakan sekerja harus berhati-hati dengan keselamatan dan segera melaporkan apa-apa yang mencurigakan kepada pihak Keselamatan Global. Adalah sangat penting bahawa sebarang ancaman terhadap rakan sekerja dan suspek kes jenayah tempat kerja dilaporkan tepat pada masanya. Semasa kecemasan, sentiasa hubungi nombor kecemasan tempatan anda sepatimana perlu.

Keselamatan Perjalanan

Pihak Keselamatan Global secara aktif menyokong rakan sekerja yang melakukan perjalanan atas urusan perniagaan untuk memastikan langkah-langkah untuk pengurangan risiko yang sesuai telah disediakan. Kakitangan mesti mematuhi [Dasar Pengurusan Perbelanjaan Global AIG](#) dan perjalanan buku dengan Alat Tempahan Dalam Talian AIG atau Syarikat Pengurusan Perjalanan. Ini membolehkan GSOC dimaklumkan mengenai pengaturan perjalanan rakan sekerja, membolehkan tindak balas yang cepat dan berkesan sekiranya berlaku kecemasan.

Sila kemukakan soalan kepada **+1 212 458-2020**, atau gsoc@aig.com atau Pengurus Keselamatan Serantau masing-masing untuk bantuan.

Harta Intelek

Harta intelek AIG mungkin merangkumi tetapi tidak terhad kepada karya kreatif, proses atau reka cipta, yang biasanya mempunyai nilai komersial. Terdapat lima kategori harta intelek yang berkaitan dengan perniagaan AIG: cap dagang dan tanda perkhidmatan, hak cipta, nama domain, paten, dan rahsia perdagangan. Setiap pekerja dikehendaki untuk melindungi harta intelek yang dimiliki oleh AIG dan rakan niaganya dan menghormati harta intelek yang dimiliki oleh pihak ketiga.

Tertakluk kepada undang-undang tempatan, rakan sekerja mungkin diminta untuk menyerahkan sebarang ciptaan penemuan (dipatenkan atau tidak) yang dibangunkan di AIG atau dengan maklumat yang berkenaan dengan AIG, kepada AIG.

Menunaikan Komitmen Kita

Harta Intelek

- Jangan menggunakan harta intelek AIG secara tidak wajar.
- Jangan dedahkan harta intelek, bukan awam tanpa kelulusan.
- Lindungi harta intelek AIG melalui pemerolehan, atau membantu pihak lain untuk memperoleh, paten, tanda dagangan, tanda perkhidmatan atau hak cipta mengikut kesesuaian.
- Jangan sekali-kali menggunakan harta intelek daripada bekas majikan tanpa kebenaran.
- Jangan gunakan atau menyalin perisian atau dokumentasi, kecuali yang dinyatakan dalam perjanjian pelesenan. AIG menghormati batasan penggunaan yang ditetapkan pada perisian oleh pemaju atau pengedar.

Komitmen Kita kepada Pemegang Saham

Maklumat Proprietari/Rahsia Perdagangan/ Maklumat Sulit

Selepas meninggalkan Syarikat, anda dilarang menggunakan atau mendedahkan sebarang maklumat proprietari, rahsia perdagangan, atau maklumat sulit yang pernah anda akses atau peroleh kerana pengajian anda oleh Syarikat. Maklumat ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, rancangan perniagaan, maklumat pelanggan, maklumat vendor, maklumat harga, data berdaya saing dan maklumat rakan sekerja.

Anda tidak boleh, misalnya, memajukan maklumat sulit kepada e-mel perseorangan, alamat e-mel bukan AIG, komputer atau peranti lain kerana menjangkakan pemberhentian kerja anda di AIG. Anda mesti memulangkan sebarang maklumat sulit sebelum tarikh penamatkan kerja anda. Peruntukan ini adalah sebagai tambahan dan tidak mengantikkan mana-mana tanggungjawab kerahsiaan yang anda mungkin ada menurut mana-mana perjanjian kerahsiaan individu yang anda telah tandatangani dengan AIG.

Kewajiban kerahsiaan anda tidak menghalang anda untuk mengajukan pelanggaran Tatakelakuan, undang-undang atau peraturan yang sebenar atau disyaki kepada AIG atau dengan agensi kerajaan (tanpa memaklumkan AIG) semasa atau selepas anda bekerja dengan AIG. Anda tidak dilarang daripada memfailkan aduan, berkomunikasi dengan, memberikan maklumat kepada, atau menyertai penyiasatan atau prosiding di hadapan agensi kerajaan.

Tanda Amaran

Elakkan tindakan berikut untuk Melindungi Maklumat Sensitif Kita

- Berbincang maklumat sulit dengan kuat atau secara terbuka yang boleh didengari oleh pihak lain.
- Berbincang maklumat proprietari AIG dengan pihak ketiga tanpa kebenaran dan perjanjian tertutup yang dikuatkuasakan.
- Perbincangan tentang maklumat proprietari AIG dengan pelanggan atau pembekal tanpa kelulusan yang wajar dan pengetahuan kedudukan hubungan tersebut sama ada secara sulit atau bukan sulit.
- Membuang draf dan nota sulit dengan cara tidak betul.

Dana

Dana AIG perlu digunakan secara bertanggungjawab dan untuk tujuan perniagaan AIG sahaja. Kad kredit korporat yang diberikan kepada rakan sekerja untuk membayar perbelanjaan perniagaan tidak boleh digunakan untuk perbelanjaan peribadi. Kita mempunyai kewajipan untuk melindungi dana AIG daripada penyalahgunaan atau pencurian dan memastikan AIG mendapat nilai tambah apabila AIG membelanjakan dana. Kita hanya boleh meminta pembayaran balik untuk perbelanjaan perniagaan yang sebenar, munasabah dan dibenarkan.



Komitmen Kita kepada Pemegang Saham

Sumber Teknologi AIG

Sumber Teknologi AIG, dan maklumat yang boleh diakses melaluiinya, adalah aset berharga AIG. Setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk melindungi Sumber Teknologi AIG (sama ada aset digunakan di pejabat AIG, di rumah atau di mana-mana lokasi lain), dan maklumat yang disimpan padanya, daripada akses tanpa kebenaran, kerosakan, kehilangan atau kecurian, dan mematuhi semua dasar AIG yang berkenaan apabila menggunakan Sumber Teknologi AIG. Anda dijangka menggunakan pertimbangan perniagaan yang baik apabila menggunakan Sumber Teknologi AIG, dan menggunakan Sumber Teknologi AIG dengan cara yang menggalakkan amalan perniagaan yang beretika.

Sumber Teknologi AIG bermaksud dan termasuk mana-mana (1) komputer, rangkaian komputer, aplikasi komputer, peranti pengimejan, peranti storan atau media yang disediakan atau diluluskan AIG, peranti pengkomputeran mudah alih atau mana-mana perkakasan atau perisian teknologi maklumat lain; dan (2) sumber teknologi maklumat syarikat lain, seperti telefon, akses Internet melalui rangkaian AIG, Televisyen Litar Tertutup dan sistem akses bangunan, dan, dalam setiap kes, data, maklumat, fail dan/atau rekod yang terkandung pada sumber tersebut. Contoh Sumber Teknologi AIG termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perkara berikut:

- Komputer riba, desktop dan terminal WYSE
- Aplikasi perisian yang disediakan atau diluluskan oleh AIG
- Telefon mudah alih yang disediakan atau diluluskan oleh AIG, atau bekas AIG pada telefon mudah alih peribadi yang didaftarkan dalam program BYOD AIG
- Tablet yang disediakan atau diluluskan oleh AIG (cth, iPad, tablet Microsoft Surface), atau bekas AIG pada tablet peribadi yang didaftarkan dalam program Bring Your Own Device (BYOD) AIG
- OneDrive dan SharePoint
- Mel suara, e-mel, SMS, teks dan perkhidmatan mesej segera dan mesej
- Intranet (Sambung) dan Intranet
- Dokumen, lembaran dan data, maklumat, fail dan/atau rekod lain

Apabila menjalankan perniagaan bagi pihak AIG, rakan sekerja mesti menggunakan hanya Sumber Teknologi AIG, dan Sumber Teknologi AIG mesti digunakan terutamanya untuk tujuan perniagaan AIG yang sah. Untuk mengelakkan keraguan, akaun pemesejan elektronik bukan AIG dan peti mel suara tidak boleh digunakan untuk komunikasi perniagaan yang berkaitan dengan AIG. Melainkan dilarang oleh dasar AIG atau undang-undang yang terpakai atau perjanjian buruh, penggunaan Sumber Teknologi AIG secara berkala, bersampingan dan sesuai (seperti untuk membuat atau menerima bilangan panggilan telefon peribadi yang terhad) mungkin dibenarkan jika penggunaan itu tidak mengganggu anda. prestasi kerja, mempunyai kesan yang tidak wajar ke atas operasi Sumber Teknologi AIG, memperkenalkan risiko tambahan kepada AIG, atau melanggar mana-mana dasar, garis panduan, piawaian atau undang-undang AIG yang lain.

Sumber Teknologi AIG tidak boleh digunakan untuk:

- (1) untuk mewujudkan, menyimpan, atau menghantar maklumat yang mengandungi unsur ganas, berniat jahat, menyalahi undang-undang, bersifat seksual, bersifat diskriminasi, mengganggu, mencabul, kesat atau hina;
- (2) untuk tujuan mengakses dengan sengaja laman web internet atau perkhidmatan dalam talian lain yang mengandungi isi kandungan yang serupa;
- (3) mengakses platform dalam talian untuk memuat naik, menyediakan, atau menggunakan Maklumat Syarikat AIG melainkan platform itu telah diluluskan melalui teknologi, undang-undang, pematuhan dan proses usaha wajar lain yang diperlukan oleh dasar dan standard AIG;
- (4) memuat naik atau memuat turun mana-mana harta intelek pihak ketiga (cth, perisian, filem, muzik, imej, dll.) melainkan AIG mempunyai hak wajar untuk kandungan tersebut;
- (5) menjalankan perniagaan atau aktiviti politik peribadi yang bukan berkaitan dengan AIG.

Tertakluk kepada keperluan undang-undang yang berkenaan, apabila anda menggunakan Sumber Teknologi AIG, anda tidak menjangkakan privasi kerana sistem tersebut mungkin tertakluk kepada pemantauan oleh AIG untuk tujuan yang sah yang diringkaskan dalam bahagian Privasi Pekerja bagi Tatakelakuan ini dan digariskan dalam Notis Pemantauan Global AIG, Notis Log Masuk Sistem IT AIG dan Notis Privasi Pekerja yang berkenaan.

Komitmen Kita kepada Pemegang Saham

S&J

S *Saya rasa ada kesilapan dalam ringkasan kewangan yang akan dihantar untuk dimasukkan ke dalam pendedahan umum. Bagaimana saya harus menyuarakan keimbangan saya?*

J Adalah amat penting supaya anda memaklumkan pihak yang mempunyai kuasa untuk menangani isu tersebut. Kesilapan tersebut mungkin sesuatu yang serius. Anda mempunyai kewajipan untuk menyuarakan keimbangan anda kepada individu yang berkenaan dengan segera. Sekiranya kurang pasti, hubungi pengurus anda, pegawai pematuhan yang dilantik, Talian Bantuan Pematuhan di +1 877 244-2210, atau e-mel Talian Perakaunan di accountinghotline@aig.com.

S *Pengurus saya meminta saya menyediakan pesanan pembelian untuk perkhidmatan dengan kos sebanyak USD \$30,000. Kuasa perbelanjaan beliau hanya USD \$25,000. Bolehkah saya bahagikan pesanan tersebut kepada dua pesanan pembelian untuk mengelakkan kelulusan peringkat lebih tinggi?*

J Tidak, anda tidak boleh berbuat demikian. Tidak mendapatkan kelulusan sah adalah melanggar dasar AIG, yang direka bagi memastikan kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi dikekalkan dan beroperasi secara efektif. Sekiranya anda berasa kurang selesa memberitahu pengurus anda, sila berbincang dengan pegawai pematuhan yang dilantik.

S *Saya menghadiri mesyuarat dengan beberapa pengurus AIG di bilik persidangan hotel. Pada waktu makan tengah hari, semua orang meninggalkan komputer riba mereka di dalam bilik yang tidak dikunci. Saya rasa kurang selesa, tetapi saya melakukan perkara yang sama. Adakah saya sepatutnya melakukan perkara yang berbeza?*

J Ya, situasi itu perlu dikendalikan dengan cara yang berlainan. Komputer riba dan maklumat yang terkandung di dalamnya ialah harta AIG dan kerap kali mengandungi data sulit atau sensitif. Anda bertanggungjawab untuk memastikan peralatan dan maklumat dilindungi daripada kehilangan, kecurian atau pendedahan yang tidak sengaja. Anda dan rakan sekerja anda perlu menjaga peralatan/bilik itu atau mengarahkan seseorang untuk menjaga peralatan itu.

S *Saya mendapat tahu bahawa pekerja salah satu pembekal telah diberi akses yang meluas kepada rangkaian kita. Pada pendapat saya, mereka tidak perlukan akses sedemikian untuk menjalankan kerja mereka. Adakah ini mendatangkan risiko ke atas maklumat AIG? Apakah yang perlu saya lakukan?*

J Anda mungkin betul, tetapi anda mungkin tidak mempunyai maklumat yang lengkap. Anda perlu membincangkan situasi ini dengan pengurus anda. Sekiranya tindakan lanjutan diperlukan, anda atau pengurus anda perlu menghubungi pegawai pematuhan yang dilantik.

Komitmen Kita sebagai Warga Korporat

AIG berusaha untuk menjadikan komuniti di mana kami bekerja, hidup, dan berkhidmat kepada pelanggan kami dengan lebih baik melalui produk, perkhidmatan, dan amalan perniagaan beretika kami. AIG mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan perniagaan kami.

Komitmen Kita sebagai Warga Korporat

Kelestarian

Komitmen AIG kepada kelestarian membantu masa depan komuniti dengan menangani faktor masyarakat sosial dan persekitaran, dan dalam masa yang sama membolehkan kemajuan ekonomi. Untuk menyepadan kefungsian mampan ke dalam operasi perniagaan kami, AIG telah membina agenda kelestarian yang didorong oleh nilai kami dan disokong oleh kepakaran risiko dan falsafah berdasarkan data kami. Pendekatan kami menyokong strategi perniagaan kami dan memenuhi jangkaan kebanyakan pihak berkepentingan utama kami termasuk pelabur, pengawal selia, pelanggan, rakan pengedar, pembekal, dan rakan sekerja.

Rakan sekerja dapat menyokong agenda kelestarian AIG yang lebih luas dan melibatkan diri dalam inisiatif di peringkat akar umbi dan setempat melalui Rangkaian Kelestarian Pekerja AIG. Rangkaian ini menyediakan forum untuk rakan sekerja menerima kemas kini tentang usaha kelestarian global dan usaha yang berkaitan dengan iklim dan berhubung dengan rakan sekerja yang mempunyai minat yang sama di seluruh dunia.

Sebagai salah satu syarikat insurans global, AIG berada dalam kedudukan yang baik untuk memanfaatkan kelebihan dan kepakaran risikonya untuk membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan membantu pelanggan dan masyarakat kita untuk beralih kepada ekonomi rendah karbon. AIG menggunakan kepakaran risikonya kerana ia menaja jamin dan melabur dalam syarikat-syarikat di seluruh industri, tertakluk kepada penilaian risiko secara tetap dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai di semua bidang kuasa di tempat kami beroperasi.

Untuk maklumat tambahan mengenai usaha Kelestarian AIG, sila lawati [laman web Kelestarian AIG](#).

Kewarganegaraan Korporat Global

AIG komited untuk menyumbang kembali kepada komuniti yang kami berikan khidmat melalui program dan kerjasama perkongsian yang memanfaatkan kemahiran, pengalaman, pengetahuan dan semangat rakan sekerja kami.

Melalui Program Masa Rehat Sukarela AIG, rakan sekerja AIG boleh mengambil cuti sehingga 16 jam setiap tahun kalender untuk menjadi sukarelawan dengan organisasi bukan untung/amal, termasuk sekolah. AIG juga dengan bangga menyokong kemurahan hati rakan sekerja melalui Program Pemadanan Geran AIG. AIG memadankan derma rakan sekerja sebanyak 2:1 dengan sumbangan sehingga USD \$10,000, setiap tahun kalender yang dilakukan oleh rakan sekerja yang layak dan/atau pasangan mereka kepada organisasi yang memenuhi syarat.

Dana Ehsan Rakan Sekerja AIG (AIG Compassionate Colleagues Fund) membolehkan pekerja membuat sumbangan yang digunakan untuk membantu rakan sekerja AIG, yang memenuhi syarat kelayakan, mengatasi kesulitan kewangan yang serius. AIG memandang serius terhadap perkongsian tempatan dan pelaburan komuniti dan rangkaian usaha sama bukan untung mencerminkan kepelbagaiaan kakitangan kita. AIG membantu rakan kongsi bukan untung global memajukan misi mereka sambil menghubungkan rakan sekerja dengan sektor amal. Pada masa ini, AIG tidak menerima cadangan pemberian yang tidak diminta.

Rakan sekerja yang menyertai program ini atau membuat sumbangan bagi pihak AIG bertanggungjawab untuk mengesahkan bahawa dia memahami dan mematuhi keperluan seperti yang digariskan di dalam Garis Panduan Program dan Buku Panduan Pekerja AIG. AIG melayan usaha dan sumbangan rakan sekerja sebagai peribadi dan sulit serta tidak ada tekanan dikenakan terhadap pekerja untuk menjalankan tugas sukarela, membuat sumbangan atau menggunakan Program Geran Pemadanan. Sebarang soalan mengenai program ini perlu diajukan kepada AIG Global Corporate Citizenship. Dasar, Standard, Garis Panduan dan Prosedur Kewarganegaraan Korporat Global dikenakan kepada semua rakan sekerja untuk memastikan kita mendukung standard yang paling bermanfaat untuk jenama AIG dan memberi peluang kepada pekerja untuk mendorong impak bermakna kepada masyarakat.

Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan usaha Kewarganegaraan Korporat AIG, sila layari [laman web Kewarganegaraan Korporat AIG](#).



Komitmen Kita sebagai Warga Korporat

Aktiviti Politik

Undang-undang dan peraturan yang mentadbir aktiviti politik korporat, pelobian, dan sumbangan adalah rumit. Kumpulan Hal Ehwal Kerajaan AIG (Persekutuan A.S., Negara A.S. dan Antarabangsa) memastikan aktiviti mana yang dibenarkan dan selaras dengan strategi perniagaan AIG. Larangan aktiviti politik diterangkan dalam [AIG Policy on Lobbying and Political Activity](#).

- Tiada rakan sekerja yang boleh menghubungi pegawai kerajaan yang dipilih atau dilantik berkaitan dengan aktiviti politik atau pelobian bagi pihak AIG tanpa kebenaran dan penyelarasan terlebih dahulu daripada Kumpulan Hal Ehwal Kerajaan atau jabatan perundangan yang sewajarnya, seperti yang dinyatakan di dalam dasar.
- Dana atau aset AIG tidak boleh digunakan untuk tujuan politik tanpa berunding terlebih dahulu dengan Kumpulan Hal Ehwal Kerajaan yang sewajarnya.
- Hanya wakil yang dibenarkan boleh memberi sumbangan kepada calon-calon politik jawatan awam bagi pihak AIG.

Aktiviti atau kepentingan politik peribadi tidak boleh bercanggah dengan tanggungjawab AIG atau menandakan sokongan AIG. Sepanjang aktiviti politik sukarela, rakan sekerja tidak dibenarkan untuk menggunakan nama AIG untuk menandakan penajaan atau sokongan atau menggunakan sumber korporat kecuali jika dibenarkan oleh undang-undang. Rakan sekerja AIG yang ingin mencalonkan diri untuk sebarang jawatan awam perlu mendapatkan kebenaran bertulisterlebih dahulu daripada Ketua Pegawai Pematuhan Global AIG dan tidak boleh menggunakan nama AIG selain daripada untuk tujuan mengenal pasti AIG sebagai majikan mereka.

Perdagangan Sekuriti

Dalam menjalankan perniagaan AIG, rakan sekerja sentiasa mendapat tahu tentang maklumat penting mengenai AIG atau syarikat lain sebelum maklumat tersebut diumumkan kepada orang ramai.

Berusur niaga dalam sekuriti semasa memiliki maklumat penting bukan awam, atau memberi maklumat ini sebagai petua kepada orang lain, adalah bertentangan dengan dasar AIG dan salah di sisi undang-undang.

Sekatan ke atas perdagangan sekuriti – kedua-dua sekuriti AIG dan syarikat lain – diperincikan dalam [Dasar Perdagangan Dalaman AIG](#) (yang dikenakan ke atas semua rakan kerja dan ahli keluarga anda terdekat). Secara umumnya:

- Anda tidak boleh membeli, menjual, atau membuat transaksi dalam sekuriti AIG semasa memiliki maklumat penting bukan awam yang berkaitan dengan AIG.
- Anda tidak boleh membeli atau menjual sekuriti syarikat lain, secara langsung atau tidak langsung, sekiranya anda memiliki maklumat penting bukan awam tentang syarikat itu yang diperoleh semasa tempoh pekerjaan anda dengan AIG.
- Apabila anda memiliki maklumat penting bukan awam atau sulit tentang AIG atau tentang mana-mana syarikat lain, sekiranya maklumat seperti itu diperoleh dalam tempoh pekerjaan anda dengan AIG, anda tidak boleh memberikan (atau “tip”) maklumat itu kepada orang lain atau mencadangkan sesiapa untuk membeli atau menjual sekuriti AIG atau syarikat berkenaan.

Semua rakan sekerja dan ahli keluarga terdekat dilarang sama sekali melibatkan diri dalam perkara berikut:

- Transaksi lindung nilai (hedging) berkenaan sekuriti AIG;
- “Jualan singkat” sekuriti AIG;
- Mendagang sekuriti derivatif, seperti opsyen “letak” atau “panggil”, kontrak kehadapan, swap atau kolar ekuiti yang berkaitan dengan sekuriti AIG;
- Menggunakan sekuriti AIG untuk menyokong hutang margin, pinjaman atau pelanjutan kredit yang lain; dan
- Mencagarkan sekuriti AIG.

Terdapat sekatan tambahan ke atas rakan sekerja yang dikenali sebagai “Pegawai Dilantik” dan “Kakitangan Akses” kerana istilah ini ditakrifkan dalam [Dasar Perdagangan Dalaman AIG](#).

Sebelum melibatkan diri dalam sebarang aktiviti perdagangan sekuriti, rujuk [Dasar Perdagangan Dalaman AIG](#) untuk menentukan sama ada transaksi dibenarkan di bawah Dasar tersebut. Di samping itu, rakan sekerja di anak syarikat AIG tertentu juga tertakluk kepada dasar perdagangan dalaman yang lain, termasuk prakelulusan dan kewajiban laporan berkaitan dengan aktiviti perdagangan peribadi mereka.

Sebarang pertanyaan mengenai [Dasar Perdagangan Orang Dalaman AIG](#) atau peraturan dan sekatan yang tertera di atas, perlu diajukan kepada AIGtradingpreapproval@aig.com.

Komitmen Kita sebagai Warga Korporat

Pencegahan Pengubahan Wang Haram

AIG komited untuk memenuhi tanggungjawab bagi membantu mencegah pengubahan wang haram dan pembiayaan penganas. Tanggungjawab ini umumnya termasuk mengenal pasti pelanggan, memantau aktiviti pelanggan dan melaporkan aktiviti yang mencurigakan atau luar biasa selaras dengan undang-undang yang berkenaan. Rakan kerja dikehendaki untuk mematuhi dasar antipengubahan wang haram yang ditetapkan oleh AIG dan unit perniagaannya. Laporan terhadap aktiviti yang mencurigakan perlu dibuat dengan secepat mungkin. Hubungi pengurus anda atau pegawai pematuhan yang dilantik sebaik sahaja anda mempunyai kemesyikilan bahawa sesuatu aktiviti mungkin kelihatan luar biasa atau mencurigakan. Bagi maklumat lanjut mengenai topik ini, sila rujuk [Dasar Anti Pengubahan Wang Haram Global AIG](#).



Sekatan Ekonomi, Antiboikot dan Undang-undang Kawalan Eksport

Sejajar dengan program sekatan ekonomi A.S. dan program lain yang berkenaan, rakan sekerja dilarang daripada menjalankan perniagaan dengan atau memanfaatkan:

- (1) individu atau entiti yang ditetapkan (terlibat dalam atau berkaitan dengan aktiviti tertentu, termasuk keganasan global, proliferasi senjata atau pemerdagangan narkotik);
- (2) negara tertentu, kerajaan mereka (termasuk ejen kerajaan dan entiti milik kerajaan) serta warganegara dan entiti swasta yang terletak di negara tersebut; dan
- (3) mana-mana entiti di mana satu atau lebih orang yang disekat – secara langsung atau tidak langsung – memiliki kepentingan 50% atau lebih. Untuk menentukan sama ada suatu pihak tertakluk kepada larangan ini, rujuk kepada pegawai pematuhan yang dilantik. Perkara yang melibatkan pihak yang sah disekat, atau jika rakan sekerja tidak pasti, mesti dirujuk kepada Kumpulan Jenayah Kewangan Pematuhan Korporat (Financial Crimes Group, “FCG”).

Sebagai organisasi global, rakan sekerja AIG mungkin dikehendaki supaya mematuhi sekatan ekonomi atau undang-undang embargo beberapa bidang kuasa yang berlainan. Memandangkan undang-undang negara mungkin bercanggah dalam situasi seperti ini, adalah amat penting anda menghubungi FCG.

Rakan sekerja dilarang sama sekali daripada mengambil bahagian dalam boikot yang tidak disokong oleh Kerajaan A.S. Sekiranya anda diminta mengambil bahagian, atau menyediakan maklumat yang boleh digunakan untuk melaksanakan seperti boikot, laporkan perkara tersebut dengan segera kepada pegawai pematuhan yang dilantik.

Rakan sekerja juga mesti mematuhi undang-undang kawalan eksport yang berkenaan. Untuk menentukan jika eksport atau eksport semula, atau perlindungan insurans untuk eksport atau eksport semula tersebut, adalah tertakluk kepada kawalan atau larangan, rujuk kepada pegawai pematuhan yang dilantik.

Untuk maklumat lanjut mengenai topik ini, sila rujuk [Dasar Sekatan Ekonomi Global AIG](#), [Dasar Antiboikot Global AIG](#) dan [Dasar Kawalan Eksport Global AIG](#).

Komitmen Kita sebagai Warga Korporat

Berkomunikasi dengan Pihak Awam

Hanya individu yang dibenarkan berbuat demikian boleh bercakap bagi pihak AIG, dan maklumat yang diberikan oleh mereka mestilah lengkap, adil, tepat, terkini dan boleh difahami. Semua permintaan daripada media mesti dirujuk kepada Jabatan Komunikasi Korporat AIG atau pasukan komunikasi menyokong Unit Perniagaan dalam pertanyaan tanpa komen. Rakan sekerja dilarang sama sekali membuat kenyataan atau menjawab soalan daripada media tanpa kebenaran.

Semua pertanyaan daripada peniaga broker, penganalisis, pengurus pelaburan, profesional pasaran sekuriti dan pemegang sekuriti AIG yang lain, mestilah dirujuk kepada Hubungan Pelabur Korporat AIG tanpa komen dengan segera.

Sekiranya maklumat penting bukan awam berkaitan dengan AIG didedahkan secara tidak sengaja dalam sebarang komunikasi luar, Penasihat Undang-undang AIG perlu dimaklumkan dengan segera supaya pendedahan umum boleh dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Semasa berkomunikasi dengan orang ramai bagi pihak AIG, semua perniagaan dan rakan kerja AIG mesti mempromosikan kebolehcapaian maklumat dan perkhidmatan kepada orang awam, termasuk tetapi tidak terhad kepada, maklumat yang diberikan melalui laman web, borang atau alat komunikasi lain. Ini adalah kewajipan setiap pasaran negara antarabangsa, Unit Perniagaan AIG dan Fungsi Korporat untuk memastikan kepatuhan kepada Dasar ini melalui pelaksanaan dan pemeliharaan kawalan selaras dengan undang-undang negara, negeri dan tempatan yang berkenaan, termasuk Undang-undang Orang Kurang Upaya Amerika 1990.

Berkomunikasi dengan Pengawal Selia dan Pegawai Kerajaan Yang Lain

Pertanyaan daripada pengawal selia dan pegawai kerajaan – di luar hubungan pengawalseliaan biasa AIG – mesti dilaporkan segera kepada wakil Pematuhan Undang-undang & Pengawalseliaan Global (mis., pegawai pematuhan yang dilantik, peguam unit perniagaan yang ditugaskan atau kumpulan pengawalseliaan) sebelum menjawab. Respons kepada pengawal selia mesti mengandungi maklumat yang lengkap, berdasarkan fakta dan tepat. Dalam pemeriksaan atau ujian pengawal selia, dokumen dibuat kepada pengawal selia mesti tidak disembunyi, dihapus atau diubah, atau pembohongan atau pernyataan yang mengelirukan.

Media Sosial

Penggunaan media sosial memberi kesan ke atas reputasi AIG. Media sosial atau laman web dan alatan dalam talian yang membenarkan pengguna berinteraksi antara satu sama lain, mungkin menyebabkan pendedahan maklumat sulit atau maklumat proprietari AIG, penyebaran komen yang menyalahi undang-undang yang mengganggu, mengancam, memfitnah atau bersifat diskriminasi terhadap Syarikat, rakan sekerja dan/atau pelanggan yang menyalahi undang-undang atau melanggar undang-undang tempatan, negeri atau persekutuan atau peraturan kendiri organisasi. Walaupun sesetengah laman media sosial tidak dapat diakses melalui Sistem IT AIG, AIG mempunyai kepentingan dalam penggunaan media sosial anda, di dalam dan di luar tempat kerja. Sewaktu menggunakan media sosial, anda mesti menjelaskan bahawa pendapat yang diberikan adalah pandangan peribadi anda sendiri. Anda tidak boleh sekali-kali memberi gambaran seolah-olah anda bercakap bagi pihak AIG, melainkan anda dibenarkan secara jelas oleh pihak pengurusan untuk bercakap bagi pihak AIG. Sebarang soalan mengenai penggunaan media sosial, atau [dasar](#) atau [garis panduan](#) yang mentadbir urus penggunaan media sosial, perlu diajukan kepada pegawai pematuhan yang dilantik, Komunikasi Korporat AIG, atau Hubungan Pekerja Global.

Perniagaan Kerajaan

Berurus niaga dengan kerajaan mungkin mendatangkan risiko yang berlainan daripada perniagaan dalam pasaran komersial. Secara amnya, undang-undang berkenaan kontrak dengan agensi antarabangsa, persekutuan, negeri, dan tempatan adalah lebih ketat dan kompleks. Sesetengah kelakuan dan amalan yang boleh diterima dalam keadaan komersial mungkin dilarang di sektor awam. Oleh itu, anda perlu merujuk kepada pihak pengurusan atau pegawai pematuhan yang dilantik sebelum membuat sebarang keputusan mengenai urus niaga dengan entiti kerajaan.



Komitmen Kita sebagai Warga Korporat



Antirasuah dan Sogokan

Kita mestilah tidak sesekali menggunakan cara yang tidak wajar untuk mempengaruhi pertimbangan perniagaan seseorang. Tiada rakan sekerja, ejen atau pihak ketiga yang bertindak bagi pihak AIG boleh memberikan rasuah atau manfaat lain yang tidak wajar kepada individu lain untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau kelebihan yang tidak adil dalam sebarang interaksi perniagaan.

Bayaran atau janji untuk membayar sesuatu bernilai untuk mendapat atau mengekalkan perniagaan atau sebaliknya mendapatkan kelebihan yang tidak wajar tidak boleh dibuat kepada pegawai kerajaan atau rakan sekerja. Pegawai kerajaan termasuk pekerja perusahaan yang dikawal atau dimiliki secara keseluruhan atau sebahagian oleh kerajaan.

Undang-undang antirasuah juga melarang penyimpanan buku kira-kira dan rekod perakaunan yang tidak lengkap atau palsu, dan syarikat dikehendaki untuk membangunkan dan melaksanakan langkah-langkah kawalan yang ketat ke atas aset dan perakaunan korporat. Semua rakan sekerja dan pegawai, tidak kira di mana mereka berada, perlu mematuhi Akta Amalan Rasuah Asing A.S., selain undang-undang antirasuah di negara mereka beroperasi.

Mana-mana rakan sekerja yang mempunyai pengetahuan atau mengesyaki dengan niat baik, pelanggaran terhadap mana-mana undang-undang, peraturan atau dasar perlu melapkannya dengan segera kepada pegawai pematuhan yang dilantik. Bagi maklumat lanjut mengenai topik ini, sila rujuk [Dasar Antirasuah Global AIG](#).

Komitmen Kita sebagai Warga Korporat

S&J

S *Saya mendapat tahu daripada pengurus saya mengenai satu pembekal baru yang digunakan berhubung dengan sebuah produk baru yang akan diumumkan kepada awam dalam masa empat minggu. Melabur dengan pembekal tersebut seolah-olah idea pelaburan yang hebat. Bolehkah saya memberitahu orang lain?*

J Tidak. Maklumat jenis ini dianggap sebagai maklumat material bukan awam. Anda tidak boleh berdagang semasa memilikinya, mahupun berkongsi maklumat ini dengan orang lain.

S *Jika saya diminta mengulas tentang prospek kewangan AIG oleh pihak media, bolehkah saya memberi pandangan saya jika saya menyatakan bahawa ia adalah pendapat peribadi saya?*

J Tidak. Anda tidak boleh memberi sebarang ulasan atau pandangan peribadi kepada media tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Komunikasi Korporat AIG. Rujuk semua permintaan dari media untuk mendapatkan maklumat tanpa komen dengan serta merta kepada ke Komunikasi Korporat.

S *Seorang pegawai eksekutif syarikat milik kerajaan mencadangkan bahawa jika kita memberi derma kepada pertubuhan amal tempatan, beliau percayai usaha jualan kita dalam negara beliau akan mendapat sambutan yang lebih baik. Saya berasa tidak selesa dengan perkara ini. Apakah yang perlu saya lakukan?*

J Anda betul kerana berasa tidak selesa. Bayaran tersebut mungkin melanggar undang-undang antirasuah. Bincangkan situasi tersebut dengan pegawai pematuhan yang dilantik.



Tatakelakuan AIG adalah bukan kontrak pekerjaan. Tiada apa-apa dalam Tatakelakuan ini boleh ditafsirkan sebagai janji dalam apa jua bentuk atau sebagai kontrak mengenai gaji atau apa-apa syarat pekerjaan yang lain. Rakan sekerja mempunyai hak yang tidak terbatas untuk menamatkan perhubungan pada bila-bila masa atas apa-apa sebab, tertakluk kepada mana-mana perjanjian pekerjaan bertulis. Begitu juga, AIG berhak untuk menamatkan perkhidmatan pekerjaan atau mengenakan tindakan disiplin kepada mana-mana rakan sekerja dengan atau tanpa sebab yang adil atau amaran terlebih dahulu, tertakluk kepada mana-mana undang-undang dan perjanjian pekerjaan bertulis.

Rakan sekerja boleh merujuk kepada Dasar Korporat AIG di intranet AIG.